

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Sesi Temu Bual bersama Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



Temu bual bersama Tuan Mohd Isa Bin Abdullah, Ketua Penolong Setiausaha Unit Hal Ehwal Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Lampiran 2: Soalan Temu bual Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

1. Apakah peranan Lajnah Pengubatan Islam (LAJPPI)?
2. Apakah amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam yang dikenalpasti sering berlaku dalam kalangan pengamal pengubatan Islam dari aspek akidah, syariah dan akhlak?
3. Bagaimanakah pengawalseliaan dilakukan terhadap pengamal pengubatan Islam di Malaysia?
4. Apakah standard kelayakan bagi individu untuk diiktiraf sebagai seorang pengamal pengubatan Islam?
5. Apakah peruntukan undang-undang atau enakmen yang berkaitan dengan kesalahan mengamalkan amalan penyelewengan agama dalam amalan pengubatan Islam?
6. Apakah aktiviti, program atau usaha dakwah yang dijalankan untuk mewujudkan keseragaman pusat pengubatan Islam patuh syariah?
7. Apakah cabaran-cabaran dakwah dalam menangani isu penyelewengan agama dalam amalan pengubatan Islam?
8. Apakah kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti menyebabkan amalan penyelewengan agama oleh pengamal pengubatan Islam masih berleluasa?

Lampiran 3: Transkripsi Temu bual Bersama Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam (LAJPPI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Nama Pegawai : Mohd Isa Bin Abdullah
 Tarikh/Hari : 5 Oktober 2022 / Rabu
 Masa : 2:00 Petang

Pengkaji/ Informan	Transkrip Temu Bual Informan
Pengkaji	Soalan 1: Apakah peranan aaaa.... Hal Ehwal Unit eemm... Peng.. Hal Ehwal Islam.
Informan	Hal Ehwal Islam?
Pengkaji	Ye betul
Informan	(Melepaskan nafas) Bismillahirrahmannirrahim, emm... Pertamanya emm... Unit Hal Ehwal Islam ni baru saja ditubuhkan di KKM ni, lebih kurang baru dalam... ni masuk tahun yang kedua lah. Kira aaa full ye satu tahun lah, satu tahun lebih sikit lah. Okay, antara function Unit Hal Ehwal Islam ni emm adalah aaa secara umumnya adalah, melaksanakan semua program Hal Ehwal Islam di dalam KKM. Semua program Hal Ehwal Islam lah dan secara khususnya kita bagikan kepada dua seksyen, seksyen pertama ni adalah seksyen di peringkat ibu pejabat. Aaa di peringkat ibu pejabat ni kita melaksanakan program-program biasa Hal Ehwal Islam seperti dakwah, penerapan nilai Islam, sambutan hari kebesaran Islam, kursus-kursus, training-training yang bersifat Islam seperti aaa tahsin ibadah, tahsin aaa tahsin solat dan begitulah, emm tahsin Qiraatul Quran yang kita buat enn. Tu antara program lah untuk program pemantapan akidah lebih kurang lah, emm dan juga aaa seksyen ini juga dia mengawalselia aaa pegawai-pegawai kader Jakim yang berada di hospital-hospital. Kita ada lebih kurang 30 orang pegawai Jakim emm di... 55 buah hospital KKM lah. Emm kemudian begitu juga di samping itu program-program lain seperti program-program emm musabaqah tilawah al-Quran peringkat aaa kebangsaan KKM lah. KKM punyalah di samping emm petugas ape pemilihan petugas haji emm perubatan tiap-tiap tahun lah kita buat. Okay, tu di peringkat ibu pejabat. Kemudian kita ada satu lagi seksyen emm seksyen kapasiti perubatan. Yang ini kita ada 4 program khususlah; yang pertamanya, program emm hospital bersih ibadah yang kita laksanakan di hospital-hospital. Yang keduanya, program emm spirit care perkhidmatan perjagaan spiritual emm yang kita laksanakan juga di hospital. Itu sebab nama ape nama seksyen ini kapasiti perubatan sebab dia semua di hospital. Yang ketiganya, emm program ni lah LAJPPI ni, Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Perubatan Islam ataupun aaa Pengawalseliaan Amalan Perubatan Islam aaa bersama dengan

	<p>bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari KKM. Yang ni la aaa tugas ataupun tujuan yang kita tengok bagaimana KKM melaksanakan... pengawalseliaan amalan dia lah perubatan Islam ni. Kemudian yang keempat, kita ada halal lah. Semua halal lah semua aspek termasuk perubatan halal reformasi, cipta halal dapur, halal dapur kafeteria di hospital, aaa semua di hospital kita sedang menuju kepada kementerian halal lah, okay itu antaranya.</p>
Pengkaji	<p>Jadi yang ketiga tadi Lajnah perubatan Islam. Boleh emm ustaz emm jelaskan lebih terang apa peranan secara khusus Lajnah ini.</p>
Informan	<p>Okay secara khusus objektif Lajnah ataupun nama penuhnya Lajnah Pengawalseliaan Amal Pengamal emm Perubatan Islam ataupun pendekkan dia adalah LAJPPI, objektif dia adalah untuk mengawal perkembangan amalan perubatan Islam melalui proses pendaftaran, pemantauan dan penguatkuasaan supaya menepati hukum syarak, yang pertama dan yang kedua menentukan hala tuju dan merancang pembangunan amalan perubatan Islam di Malaysia, aaa yang tu objektif nya.</p>
Pengkaji	<p>Okay, Ustaz boleh terangkan kewujudan Lajnah ni. kemunculan... ataupun.</p>
Informan	<p>LAJPPI ni?</p>
Pengkaji	<p>Aha.</p>
Informan	<p>Lajnah ni, okay. Kalau kita ikutkan emm sebenarnya peruntukan untuk kita mengawalselia amalan perubatan Islam ni dia adalah tertakluk di bawah satu Akta, Akta KKM ye, dipanggil Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016, iaitu pendekkan Akta 775. Di mana dalam Akta ni, dia telah mengiktiraf amalan perubatan Islam adalah sebagai salah satu modaliti eemm perubatan tradisional aa dengan ada tak silap saya enam amalan perubatan lain lagi lah; perubatan melayu, aaa homopati, tradisional cina dan lain-lain lagi ye. Ha okay, jadinya dalam Akta ini, dia telah meletakkan bahawa setiap aaa pengamal ataupun sesiapa yang ingin aaa beramal dengan amalan perubatan yang diiktiraf tadi, maka hendaklah dia mendapat kebenaran, emm kebenaran beramal daripada KKM lah. Yang menguruskan adalah Majlis aaa Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari. Ha jadi Majlis ni, yang mengawal selia semua perubatan-perubatan ni, makna macam homopati nak beramal, dia kena beramal, kena berdaftar dengan aa Majlis. Okay, jadi dengan amalan perubatan Islam, di mana amalan perubatan Islam ni, dia mesti mendapat kebenaran lah daripada aaa kebenaran beramal lah daripada KKM aaa jadi dalam nak melaksanakan ini, (Berhenti sebentar bercakap dengan staff). Okay, bagi melaksanakan fungsi pendaftaran tu, aaa dia kena melalui proses aaa proses saringan lah sebab amalan perubatan Islam ni dia beza berbeza dengan amalan lain. Macam amalan homopati kan, dia takde kaitan dengan... akidah kan, maksud dia sesiapa yang aaa dia ada proses amalan dia tertentu dia ada kaitan tertentu, maka dia boleh pergi. Tetapi amalan perubatan Islam tak boleh, sebab ape bila seorang pengamal memohon untuk mendapatkan kebenaran beramal tadi, kalau dia mohon dgn TCM je dengan KKM lah kan, kita KKM je lah kan,</p>

	<p>jadinya dia tidak aaa KKM tidak mempunyai satu... aaa ape nama kemahiran. Yang untuk mengenal pasti untuk menentukan apakah pengamal ni, dia patuh syariah ataupun tidak patuh syariah sebab amalan perubatan Islam ni dia lain sikit enn. Dia ada hukum Akidah, Syariah, Feqah dalam tu kan. Jadi aspek itu, tidak ada dalam KKM. Maka, dalam Akta 775 tu, dia ada menjelaskan dia ada klausa dia aaa membenarkan aaa dia dipanggil perwakilan fungsi dia panggil. Dalam tu aaa Seksyen 76, Akta 75 Seksyen 76 (1) ada menjelaskan aaa perlantikan aaa ataupun pengiktirafan perwakilan fungsi, di mana KKM dia tidak mempunyai kemahiran aaa tertentu, maka dia melantik satu entiti lain enn membantu dia dan dari segi itu mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan. Dalam amalan perubatan Islam itu yang ditubuhkan LAJPPI tadi Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Pengubatan Islam. Dalam LAJPPI ni, dia ada ahli-ahli dia adalah orang-orang yang kemahiran lah, antaranya ada Mufti dalam tu, ada pakar Akidah, pakar Syariah enn, pakar Akidah Jakim, pakar Syariah Jakim, pengerusi pun daripada Jakim. Lepas tu dalam tu ada wakil badan pengamal perubatan Islam, wakil IPT enn, wakil doktor perubatan aaa semua ada. Dan berbagai-bagai aaa kemahiran lah yang wujud dalam tu. Jadi, aaa ape LAJPPI ni lah yang melaksanakan fungsi-fungsi mengawalselia ataupun membuat apa-apa bentuk saringan lah untuk memastikan orang-orang yang diberikan kebenaran beramal sebagai pengamal perubatan Islam adalah orang-orang yang patuh syariah. Aah betul.</p>
Pengkaji	<p>Jadi, bagaimana aa prosedur untuk seseorang tu berdaftar dengan KKM sebagai pengamal perubatan Islam.</p>
Informan	<p>Okay, untuk menjadi seorang pengamal aa, pemohon ni sesiapa yang berminat dia boleh aaa ape memohon secara online ye. Aaa dia boleh layari laman web aaa perubatan, bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Di situ nanti dia akan ada lah aa link-link dia untuk berdaftar ye. Jadi nanti, semasa pendaftaran dibuat, dengan semua lah dokumen-dokumen apa diperlukan kita sediakan kena hantar, kemudian kena hantar kepada TCM balik lah ehh. Kepada KKM lah KKM yang menguruskan Majlis TCM saya sebut tadi. TCM tu adalah Inggeris Traditional and Complementary Medicine ehh. Dia kalau melayu aaa PTK lah bahagian ataupun Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (PTK) ye. Okay dihantar ke PTK ni, nanti PTK akan hantar ke Jabatan Agama Islam Malaysia. Sebab memang kita dah ada hubungjalin dan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri untuk melaksanakan saringan. Jadi nanti, aaa proses pelaksanaan saringan dilaksanakan oleh negeri, oleh Jabatan Agama Islam Negeri lah. Kemudian apabila Jabatan Agama Islam Negeri dah dapat dah, dah melaksanakan saringan, jadi satu laporan akan dihantar kepada LAJPPI tadilah Lajnah tadi lah. Jadi Lajnah nanti akan bersidang untuk memutuskan aaa orang yang telah disaring diperingkat negeri tadi sama ada dia layak ataupun tidak untuk diiktiraf sebagai pengamal perubatan Islam.</p>
Pengkaji	<p>Hmm okay, sebelum ni saya ada dengar instrumen Al-Syifa. Mungkin ustaz boleh terangkan instrumen tu.</p>

Informan	Al-Syifa tu adalah aaa ape nama satu nama mekanisma yang kita gunakan untuk saringan lah. Aaa jadi kita memang kita telah bangunkan satu aa Al-Syifa lah aa. Al-Syifa tu sebenarnya dia nama penuh dia eh sekejap okay Al-Syifa tu adalah pendekkan bagi nama Standard Pengukuran Pematuhan Syariah bagi amalan perubatan Islam aaa pendek dia Al-Syifa. Jadi dia merupakan satu dokumen lah, dalam dokumen tu dia ada menjelaskan bagaimana cara untuk kita membuat saringan dan adalah pemarkahan dia apa semua aa lepas tu nanti di situ kita akan dapat tahu lah keputusan sama ada dia ni layak ataupun dia lulus ataupun gagal lah. Sebab Al-Syifa ni dibangunkan oleh satu komuniti yang dilantik oleh KKM dan Jakim. Dia menggunakan masa tu dana penyelidikan daripada Jakim dan universiti yang menjadi aaa ape namanya penganjur yang melaksanakan kajian tu lah Universiti Pahang yee (UMP) Pahang, Universiti Malaysia Pahang. Kemudian dalam tu ahli dia banyaklah daripada aaa pengamal-pengamal perubatan doctor sendiri, (00:12:05) Datuk Dr Haron Din sendiri sebagai ahli, Datuk Jahid Sidik sebagai ahli dialah dan ada lah orang-orang yang lain membangunkan secara bersama. Kemudian aaa Al-Syifa tu telah diangkat ke jawatankuasa fatwa Jakim aaa yee dan untuk disahkan sahkan dia (berhentii sebentar mencari maklumat) pada tahun 2014. Aaa okay.
Pengkaji	Jadi aaa saya nak tanya kalau pengawal bagaimana pengawalseliaan tu dilakukan terhadap pengamal yang dah berdaftar?
Informan	Okay, pengamal yang telah berdaftar?
Pengkaji	Aha.
Informan	Okay, kalau pengamal yang berdaftar... dia... dan dia patuh kepada... aaa ape nama aaa... kaedah ataupun aaa... kita panggil ape aahh... teknik lah yang kita benarkan ataupun patuh syariah pendeknya aaa pendek dia adalah patuh syariah, maka dia takde pape halangan lah. Tetapi kalau katakan setelah dia... dia... dia telah mendapat aaa kebenaran dan kemudian dia melanggar syarat-syarat patuh syariah tu masa dia melaksanakannya tidak patuh syariah, maka kita boleh ambil tindakan lah di bahagian aa Perubatan Tradisional Komplementari ni. Dia memang ada... memang ada... bahagian penguatkuasaan dia sendiri dan aaa mereka akan bekerjasama dengan bahagian penguatkuasaan di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Jadi, dari segi penguatkuasaan dia akan melibatkan negeri dan juga aa KKM la pusat lah. Tapi dari segi aa perundangan nanti, tindakan undang-undang akan dilaksanakan akan dilaksanakan di peringkat persekutuan lah.
Pengkaji	Ahaa, okay. Jadi akan hmm peruntukan-peruntukan undang-undang yang digunakan untuk?
Informan	Okay kalau dalam Akta 775 tadi tu, dia ada menyatakan orang yang beramal tanpa kebenaran maksudnya takde kebenaran aaa... beramal daripada KKM tu maka, mereka boleh didenda sebanyak 30,000 ribu ringgit Malaysia dan penjara 5 tahun ataupun kedua-duanya lah. Itu bagi kesalahan pertama lah. Kalau kesalahan kedua, denda 50,000 ribu dan penjara 5 tahun. Jadi, apa nama agak berat juga lah dia punya hukuman ni sebab dia undang-undang aaa persekutuan. Aaa dia bukan

	undang-undang enakmen ataupun dia bukan undang-undang negeri ye. Kalau negeri, mungkin kalau syariah, undang-undang syariah paling tinggi pun 5,000 ribu ringgit dan 2 tahun penjara, haa yang ni undang-undang persekutuan lah.
Pengkaji	Jadi itu bagi emm pengamal yang tidak berdaftar tapi menjalankan aktiviti rawatan. Macam tu?
Informan	Ye, pengamal yang beramal tanpa kelulusan atau kebenaran beramal daripada KKM boleh diambil tindakan. Dia takde kira dia tu patuh syariah atau tak patuh syariah. Sebab dalam Akta KKM ni Akta 775, dia tidak melihat kepada kita ni patuh syariah atau tidak patuh syariah. Dia melihat adakah kita ada kebenaran atau takde kebenaran. Yang nak menentukan patuh syariah tak patuh syariah semasa saringan Al-Syifa. Aaa yeehh. Itu.
Pengkaji	Erm.. mungkin ustaz boleh aaa terangkan atau jelaskan hmmm amalan-amalan penyelewengan yang sering berlaku dalam kalangan pengamal perubatan Islam.
Informan	Aaa. Yang biasa berlaku dalam pengamal atau amalan perubatan Islam ni antaranya menipu lah. Enn, dia menipu pesakit eenn. Sebenarnya dia tak buat apa-apa pun tapi dia mendakwa dia merawat itu apa semua kann. Antaranya lagi, aaa Islam menurun lah, ataupun dia menggunakan jin, menggunakan... aaa... apeni sandaran ataupun meminta bantuan daripada jin lah. Itu jelas aaa dilarang dalam agama kan dalam Islam menggunakan kaedah tu. Juga kalau ada dia menggunakan peralatan, dia menggunakan peralatan-peralatan yang... yang haram, contoh menggunakan darah ke, najis ke, een apa-apa yang haram dalam sesi rawatan bahan yang digunakan lah. Itu juga kita tak benarkanlah. Antara yang lain lagi yang sekiranya ada unsur-unsur ada unsur-unsur aaa ape aaa kesembahan kepada perkara lain, ataupun unsur-unsur... aaa yang kita sebut apa nama menilik tu menilik ataupun ramalan-ramalan... kann itu semua kita tak terima lah secara umum lah. Kita ada spesifik perincian yang kita takkan yang patuh syariah dan tak patuh syariah. Dan jadi sekiranya pengamal, dia melaksanakan amalan rawatan dia tuu ada unsur-unsur yang tidak patuh syariah maka kita... tak benarkan lah dia untuk beramal lah.
Pengkaji	Baik, okay. Hmm. Seterusnya saya nak tanya pendapat ustaz berkaitan dengan pengamal-pengamal yang sering... hmm memuatnaik video rawatan di media social seperti Facebook, Youtube, Tiktok dan lain-lain. Dia bagi pandangan ustaz emm macam mana?
Informan	Okay, saya ni melihat aaa bukan atas kapasiti... apeni kita panggil aaa persendirianlah kan personal lah kan. Saya melihat kepada umumlah sebagai Badan KKM ni sebagai Badan yang mengawalselia kan. Sebenarnya kalau dalam Akta dan peraturan kita, tidak ada menetapkan larangan untuk kita mempromosikan dan sebagainya kann. Makna kalau dia nak.. nak jaja maksudnya promosilah, kan sekiranya kalau dia mempunyai lesen ataupun dia mempunyai kebenaran beramal tadi, takde halangan lah untuk dia menguar-uarkan ataupun nak mempromosikan perkhidmatan dia tadi kan haa selagi mana perkhidmatan dia adalah patuh syariah. Ha itu je. Jangan

	<p>melampau-lampau boleh tangkap jin, haa penjarakan jin, masukkan jin dalam botol, ape semua yang itu, kita kira agak melampau lah. Cumanya mungkin lah buat masa ni kita memang takde lagi... aaa batas ataupun aaa model lah yehh untuk iklan yang macam mane kan. Biasanya kalau KKM iklan, kita memang tak benarkan iklan yang bersifat terlalu spesifik mcmtu. Dia bersifat umum. Kalau umum no problem kan. Macam kita katakan contohlah saya amik contoh ubat-ubatan kan, kita kata kita keluarkan satu herba ni boleh menyembuhkan penyakit kanser, menyembuhkan penyakit macam tu kita cakapkan, itu agak melampau lah kan. Kita bukan macam tu, cakap aaa ini adalah sebagai makanan tambahan yang mampu mengawal dan boleh mem ape membantu kita mengurangkan aaa kesan. Maksud dari segi cakap tu jangan macam kita ni ia betul-betul macam betul-betul lah. Sebenarnya dalam Islam kan kita ada konsep tawakal enn, konsep aaa penyerahan tawakal tu penyerahan kepada Allah lah penyerahan kepada Allah yang menyembuhkan segala penyakit. Emm semua benda tu kena adalah. Jadi itu antara yang serba sedikitlah pandangan saya.</p>
Pengkaji	<p>Seterusnya pandangan ustaz berkaitan dengan pengamal yang membuat live ketika rawatan. Contohnya emmm saya sakit, saya join live aaa seorang pengamal untuk berubat secara ruqyah.</p>
Informan	<p>Secara online lah?</p>
Pengkaji	<p>Haaa online.</p>
Informan	<p>Secara online ehh?</p>
Pengkaji	<p>Haaa ye betul</p>
Informan	<p>Ha okay, buat masa ni, aaa... LAJPPI atau Lajnah Pengawalseliaan Amal Pengamal Perubatan Islam tidak menerima online sebagai salah satu sebagai salah satu daripada kaedah rawatan. Maknanya tak terimalah. Maknanya orang-orang yang beramal, makna kita minta dia tinggalkan lah. Janganlah. Nak merawat aaa one by one yeehh. Depan berdepan haaa kecuali dalam kes-kes darurat iaitu lain lah. Macam kata-kata katakanlah PKP memang tak boleh nak keluar rumah, sebenarnya kalau dalam PKP pun kalau kita nak keluar untuk... merawat ni boleh saja minta saja kebenaran polis enn, boleh bagi. Sebab saya pernah bantulah kawan-kawan yang terpaksa pergi untuk buat rawatan tu, terpaksa pergi kita mohon kebenaran daripada polis untuk pergi.</p>
Pengkaji	<p>Okay jadi seterusnya sebagai masyarakat awam, bagaimana nak nak... bezakan antara pengamal yang berdaftar atau tak. Ada kad atau kad ke macam mana?</p>
Informan	<p>Okay, emmm. Buat masa ni kita dalam proses lagi sebenarnya untuk kita akan selepas ini kita akan... aaa... uar-uarkan lah maksud dia kita akan... listkan senarai pengamal-pengamal yang ... yang patuh syariah ni lah. Yang telah mendapat kebenaranlah, sama ada di laman web KKM aaa ataupun mungkin aaa di Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri nanti lah. Buat masa ni, dalam proses lagi untuk kearah itulah. Sekarang ni pun kita tak ramai lagi aa pengamal perubatan Islam yang telah diberi kebenaran ni. Aaa dan kalau ikutkan kita penguatkuasaan mungkin tahun depanlah baru kita mula kuatkuasakah dari segi</p>

	undang-undang. Tapi tengok jugalah kepada KKM nanti macam mana tengok pada situasilah.
Pengkaji	Okay, hmm maksudnya KKM ni lebih kepada emm Badan yang mem.. membuat dasar lah kan. Jadi, emm mungkin ada sesuatu yang KKM buat untuk hmmm sebagai usaha menjaga ataupun macam mana ye menjaga pengamal perubatan Islam ni supaya tidak menyeleweng. Hmm mungkin ada program ataupun kursus-kursus ataupun seminar?
Informan	Okay, kita... sebenarnya... ada bincanglah untuk buat mungkin buat masa sekarang ni belum ada lagi. Akan datang nantilah mungkin di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri nanti akan buat promosi tu. Di peringkat KKM kita akan buat promosi... di... di... ni lah di media utama lah nanti yehh. Tetapi lebih ni lagi di emm peringkat negeri. Kemudian dari segi kursus seminar aaa ape kita panggil kesedaran ehh seminar kesedaran kepada masyarakat akan datang bila tiba masanya nanti mungkin masa tu nanti Jakim dan mungkin ada NGO yang terlibat, mungkin ada Badan-Badan Perubatan-Perubatan Islam ni yang terlibat enn yang akan dilantik oleh KKM lah untuk menjadi agen mungkin macam agen lah utk memberi kesedaran kepada masyarakat. Ha itu smua dah ada dalam perancangan tapi buat masa ni kita belum aa promosi lagi lah.
Pengkaji	Seterusnya bagi pendapat ustaz, apa kelemahan-kelemahan mmm kelemahan-kelemahan yang dapat kenalpasti. Mmm yang menyebabkan aaa penyelewangan amalan perubatan Islam masih berleluasa. Mungkin kelemahan dari sudut apa?
Informan	Dia, saya kalau tanya, saya pandangan saya dia bergantung dia aaa terdapat juga pada masyarakat lah sebenarnya enn, sebab masyarakat kita ni masyarakat yang terlalu mudah percaya. Bila kita tengok macam ada magik sikit haa kita terus mudah percaya lah orang ni boleh ni lah ehh. Tapi kalau dah sampai habis duit haa habis duit kadang-kadang sampai ribu-ribu juga sanggup kan sebab percaya punya pasal yehh. Tapi tengok-tengok rupanya tak sembuh juga jadi tu masyarakat kita lah. Haa bukan nak kata salahlah tetapi aaa... masyarakat kita ni terlalu mudah nak aaa kadang-kadang pergi hospital, hospital juga tapi lepas tu kita masih mencari. Bukan saya kata tidak, sebenarnya kalau kita sakit, aaa yang pertama kita nak kena minta tolong adalah kepada Allah. Haaa itu yang pertamanya ye ehh dan kemudian barulah kita berjumpa dengan pengamal-pengamal perubatan ni, sama ada doktor ke, pee... pengamal perubatan Islam ke kann, perubatan tradisional melayu ke, terpulang la enn tapi minta dengan Allah dulu. Itu sepatutnya lah. Tapi kadang-kadang masyarakat kita ni aa dia tak berapa dia nak sembuh cepat bila kena sakit tu takut sangat kan. Nak cepat sembuh kann. Jadi, bila dengar orang cakap kat sana ada pergi, kat sana ada pergi, itu masyarakat kita. Itu yang berlaku dalam masyarakat kita tanpa dia menilai orang yang merawat tu patuh syariah ataupun tak patuh syariah. Okay tu satu. Yang keduanya masyarakat kita sendiri ni sebenarnya dia tidak mengenali yang mana patuh syariah yang mana tak patuh Syariah, sebab kadang-kadang pengamal-pengamal ni yang tak patuh syariah ni, dia..

	berselindung kan, dia.. kadang-kadang dia gunakan aaa apa baca bismillah, ayat al-Kursi, surah fatihah, baca tu semua tapi dalam tu dia selitkan dengan tulah yang itu memang kadang-kadang masyarakat kita... akan ape nama memang tak dapat nak bezakan lah. Tapi, kadang-kadang kita kalau kita paham, kalau masyarakat kita yang paham walaupun dia gunakan ayat Quran ke ape semua tapi kadang-kadang kita akan terasa juga dia punya aaa tindakan-tindakan dia yang macam luar biasa sikit kann dapat kesan juga kan, kalau kita paham lah. Tapi oleh kerana masyarakat kita ni kebanyakan nya tak paham masih lagi tidak memahami aaa berkaitan dengan amalan-amalan yang patuh syariah yang tak patuh syariah, maka itu yang menjadi masalah lah. Kalau biasanya kalau penyakit-penyakit kecil takde halangan sangat lah tapi kalau penyakit-penyakit kronik aaa dia akan dengar je sane terus pergi, dengar sane terus pergi. Haa itu isu, yang ini pun saya sendiri pun tak dapat nak jelaskan sangat macam mana lah sebab memang diluar bidang kita. Apa yang kita mampu buat untuk bantu masyarakat adalah kita pastikan masyarakat selepas ini, dia mencari perawat yang ada kebenaran haaa daripada... daripada KKM lah. Macam makanan juga lah kita nk cari makanan yang ada halal dari Jakim kan, maka kita akan konfidenlah untuk makan begitu juga dengan perawat dengan perawat yang ada kebenaran beramal daripada KKM, haa itulah hasrat kita lah.
Pengkaji	Okay, jadi masyarakat yang mungkin kenalpasti perawat-perawat yang tidak patuh syariah ni boleh buat aduan macam mana?
Informan	Haa boleh buat aduan di Jabatan Agama Islam Negeri ataupun pada KKM sendiri. KKM di... bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari atau pergi ke Jabatan Agama sahaja. Mudah... Nanti Jabatan Agama dia akan apa nama bersama lah dengan Jabatan apa nama KKM untuk pandailah dorang buat siasatan apa macam mana kan.
Pengkaji	Okay ustaz, boleh kongsiikan ke berapa jumlah hmm pengamal yang dah berdaftar setakat ini.
Informan	Setakat ni yang dah berdaftar, saya ingat tak ramai. Pengamal perubatan Islam tak ramai lebih kurang dalam 300 lebih je kalau tak silap. Jap eh saya cek. Soalan tu ada ke? Takde kan.
Pengkaji	Haa takde. Saya....
Informan	Haa tulah, nanti dia takde tak keluar lah dalam video.
Pengkaji	Minta maaf ustaz.
Informan	Aaa, takpe-takpe (Ustaz mencari maklumat jumlah pengamal perubatan yang berdaftar)... (Menarik nafas panjang)... Jumlah pengamal ye....
Pengkaji	Ehemm.
Informan	(Masih mencari maklumat) Jap ye.
Pengkaji	Okay.
Informan	(Masih mencari maklumat)... okay 619 orang setakat inilah.
Pengkaji	619 okay okay (Bunyi bisings di belakang)...
Informan	Seluruh Malaysia.
Pengkaji	Haa ustaz boleh ke kalau saya dapatkan hmmm... dokumen-dokumen berkaitan dengan carta organisasi LAJPPI, instrumen

	Al-Syifa, dan prosedur pendaftaran pengamal?
Informan	Yang Al-Syifa tu dia... sulit.
Pengkaji	Ooo okay okay.
Informan	Jadi tak dapat nak bagilah. Lagi ape nak lagi?
Pengkaji	Carta organisasi LAJPPI
Informan	Rase ada. Kejap. (Mencari salinan dokumen yang dipinta).
Pengkaji	Hmm.
Informan	Okay nak apa lagi, carta organisasi LAJPPI?
Pengkaji	Haah.
Informan	(Mencari salinan dokumen yang dipinta). Okay lagi ape nak tadi?
Pengkaji	Hmm kalau ada rekod-rekod program yang dilakukan, kursus-kursus, seminar?
Informan	Ha adepun seminar tot semua kita ada buat. Hmmm. (Mencari salinan dokumen yang dipinta). Hmm okay lagi?
Pengkaji	Garis-garis panduan... pengamal perubatan Islam yang sepatutnya?
Informan	Dia, garis panduan pengamal perubatan Islam ada dalam laman web. Buka dekat TCM Ha puan boleh dapatkan garis panduan pengamal perubatan Islam... Akta pun ada Akta pun boleh dapatkan Akta 775
Pengkaji	Okay ustaz. (Bunyi telefon bimbit).
Informan	Baik
Pengkaji	Ehemm... Jadi kalau yang menjadi kesalahan tu tidak menepati garis panduan lah?
Informan	Aaa pada dasarnya begitulah. Kalau dia tidak menepati garis panduan ni lah biasanya lah. Garis panduan, Akta-Akta PTK
Pengkaji	Okay baik.
Informan	Okay lagi apa nak lagi?
Pengkaji	Oo Akta baru?
Informan	Akta dah kan? Akta dah 2015 2016 ni garis panduan. Kalau Akta tu, Akta Majlis perubatan dia adalah seksyen undang-undang ape semua tu.
Pengkaji	Oo okay okay. Kalau garis panduan pengamal perubatan Islam ada ke?
Informan	Ni garis panduan perubatan Islam. Garis panduan pendaftaran pengamal perubatan tradisional pengamal perubatan Islam. Haa dalam ni semua ada syarat-syarat dia, jenis permohonan. Okay syarat pendaftaran kan, syarat pendaftaran semua. Okay. Haa okay, kalau pendaftaran ni dia ada beberapa syarat, yang pertama memiliki sijil kelayakan diiktiraf diploma KKM di Malaysia tahap 4, perawatan ruqyah. Orang yang ada diploma ni oleh aaa Jabatan Kerja ape ke, Jabatan Kemahiran Kerja kan, disebut kemahiran Malaysia yang ada kemahiran Malaysia yang ada doktor kemahiran Malaysia dia boleh automatik boleh terus pergi kepada TCM tadi terus dapat. Tak payah melalui saringan Al-Syifa ni tak perlu. Yang pelajar-pelajar baru yang ambil ni dan dia belajar tak silap 3 tahun kan diploma ni, dia keluar dia dia ada sijil kemahiran tau, sijil kemahiran Malaysia, diploma kemahiran Malaysia tahap 4, dia automatik dapat. Atau yang kedua mendapat pengiktirafan pencapaian maksud dia kalau dia sebelum ni

	<p>dia beramal, dia beramal kemudian yang diiktiraf oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), haa JPK ni Jabatan Pembangunan Kemahiran JPK cakap dia nak iktiraf dia punya amalan perubatan Islam ni, jadi nanti Jabatan ni nanti akan cek akan tengok dia punya sistem dia punya apa semua, kalau selari dengan dia punya diploma tu, automatik dia akan dapat. Dia akan diberi pengiktirafan. Ini pun automatik akan dapat yeehh. Yang ketiga telah beramal sekurang-kurangnya 5 tahun dan mendapat pengesahan dan sokongan daripada Badan pengamal yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari Badan yang diiktiraf oleh Darussyifa. Dari KKM Majlis TCM tadi Majlis Perubatan Islam, dia ada melantik satu Badan Pengamal sebagai wakil kepada pengamal-pengamal perubatan yang lain. Dan wakil ni adalah Darussyifa, okay. Oleh kerana dia adalah Badan yang diiktiraf oleh KKM, maka KKM beri keistimewaan pada dia, sesiapa bukan bukan ahli Darussyifa sahaja, sesiapa yang nak berdaftar takde sijil tadi, takde diploma tadi dan takde nak pergi ke Jabatan-Jabatan Pembangunan Kemahiran tadi, cukup dia pergi ke Darussyifa' Darussyifa yang iktiraf dia. Tapi Darussyifa dia ada sistem dia lah dia nak menilai tu, enn dia ada cara dia kann. Jadinya kalau dia dapat surat sokongan dan pengesahan daripada Darussyifa maka dia akan terus didaftarkan. Tak perlu melalui, tak perlu melalui Al-Syifa. Ahli Darussyifa sendiri pun sokong. Syarat ahli Darussyifa dah beramal selama 5 tahun aaa maka dia akan diberi aaa ni lah pengerusi dia luluskan ape sokong sah haa dia diberi kebenaran. Dan bukan untuk Darussyifa je tapi semua untuk mana-mana amal perubatan dia pergi ke Darussyifa dia tak perlu melalui Al-Syifa. Yang keempat, kalau dia takde semua tu dia boleh melalui Al-Syifa. Haa itu syarat untuk mendapatkan kebenaran tadilah.</p>
Pengkaji	<p>Hmm okay, Ustaz lagi satu soalan aaamm ni di luar daripada saya punya list. Hmm, apa jawatan-jawatan kuasa yang berkaitan dengan pengamal perubatan Islam. Contoh dia yang saya dapat tahu sekarang aaa jawatan, jawatan satu-satu secara khusus di Sarawak yang mengawalselia pengamal perubatan Islam. Jadi mungkin apa lagi jawatan-jawatan kuasa yang berkaitan dengan aaa pengamal.</p>
Informan	<p>Okay, dia macam ni, sebelum kita datang Al-Syifa ni di negeri-negeri, dia ada jawatankuasa dia sendiri yang... yang... yang ape nama menilai dan mengiktiraf... kann macam jawatan bukan Sarawak je, di Selangor ada, di Negeri Sembilan ada, dia ada beberapa buah negeri lah. Jadi diorang ni datang jumpa dengan... Jabatan Agama, Jabatan Agama sendiri yang akan buat saringan. Okay, tetapi saringan di Jabatan Agama ni agak sukar sikit sebab Jabatan Agama ni nak menentukan patuh syariah tak patuh syariah sebagai asas. Jadi banyaklah jika nak sebut tak patuh syariah tu dia nanti kena fatwa ape semualah. Ini sistem kaedah di Jabatan Agama Islam Negeri lah, jadi bila kita pulak bawa kita punya kan, jadi dalam Akta kita, kita tak kata ini patuh syariah tak patuh syariah, Akta kita ni dia ada lesen tak ada lesen. Pendek bagi persijilan lah pengiktirafan tu lesen la kita kata kann. Pendek ni bahasa pendek sebenarnya bukan lesen eh dia adalah</p>

	<p>kebenaran beramal, kebenaran beramal istilah dia tu. Okay, yang nak dapat kebenaran ni aaa kita akan cek dia dah ada kebenaran atau takde tu je. Kalau dia ada kebenaran tiada masalah, kalau dia takde kebenaran maka dia dikira sebagai salah. Haa kann jadi nak dapat kebenaran tu dia ada proses lain dan proses tu yang kita nilai baru kita beri. Jadi nanti semasa kita nak lalu melalui proses perundangan kita tak cek yang dia tu patuh syariah tak patuh syariah tu kan susah nak kena fatwalah ape semua kan nak kena pembuktian ape semua kann ni tengok ada lesen takde. Dia kata ada. Mana sijil? Haa dia tunjuk haa okay beres. Tengok takde haa kita ambil tindakan lah. Bagi yang dah ada kebenaran lepas tu diaaa melakukan perkara yang tak sepatutnya lah sama ada dia melakukan jenayah ke dia tidak patuh syariah sendiri ataupun mungkin dia... menekan ataupun ape menganiaya pesakit ataupun dia mungkin ambil kesalahan-kesalahan yelah kesalahan jenayah seksual ke ape ke kan, maka kita boleh batalkan yang itu ada jawatankuasa dia sendiri di peringkat aaa TCM KKM lah. Okay, dia boleh bersidang, dia boleh tarik, dia boleh gantung, dia boleh batalkan, aaa macam tu lah dia punya bidang.</p>
Pengkaji	<p>Okay baik. Jadi ustaz setakat ni aaa itu sahaja soalan saya untuk harini.</p>

UNIVERSITI SAINS ISLAM
 الجامعة الإسلامية
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Lampiran 4: Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775)



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

Akta 775


**AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN
KOMPLEMENTARI 2016**

UNIVERSITI ISLAMIC

Lampiran 5: Garis Panduan Pendaftaran Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) Tempatan – Pengubatan Islam (2021)



Lampiran 6: Standard Pengukuran Pematuhan Syariah (i-SYIFA') Bagi Pengamal Pengubatan Islam



UNIVERSITI SAINS ISLAM
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCE
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCE
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCE

Lampiran 7: Sesi Temu Bual bersama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)



Temu Bual bersama Encik Zurrun Iman Bin Zakaria, Penolong Pegawai Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

UNIVERSITI SAINS ISLAMIC
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCE

Lampiran 8: Soalan Temu bual Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

1. Apakah peranan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka terhadap isu berkaitan amalan pengubatan Islam?
2. Bagaimanakah pengawalseliaan dilakukan terhadap pengamal pengubatan Islam?
3. Apakah amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam yang dikenalpasti sering berlaku dalam kalangan pengamal pengubatan Islam dari aspek akidah, syariah dan akhlak?
4. Apakah peruntukan undang-undang atau enakmen yang berkaitan dengan kesalahan mengamalkan amalan yang bertentangan dengan Islam dalam amalan pengubatan Islam?
5. Apakah aktiviti, program atau usaha dakwah yang dijalankan untuk mewujudkan keseragaman pusat pengubatan Islam patuh syariah?
6. Apakah cabaran-cabaran dakwah dalam menangani isu penyelewengan agama dalam amalan pengubatan Islam?
7. Apakah kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti menyebabkan amalan penyelewengan agama oleh pengamal pengubatan Islam masih berleluasa?

Lampiran 9: Transkripsi Temu bual Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

Nama Pegawai : Zurrun Iman Bin Zakaria

Tarikh/Hari : 12 Oktober 2022 / Rabu

Masa : 11:00 Pagi

Pengkaji/ Informan	Transkrip Temu Bual Informan
Informan	<p>Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum wbt. Aaa saya, Ustaz Zurrun Iman bin Zakaria, Penolong Pengarah Kanan dan merangkap Ketua Seksyen Operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka. Jadi, aaa terima kasih kerana... aaa memilih Jabatan Agama Islam Melaka untuk... dijalankan temu bual lah. Jadi... saya berkongsilah sedikit pengalaman ehh, pengalaman saya di bahagian penguatkuasaan ni hampir 13 tahun. Jadi banyaklah terlibat dengan kes-kes yang berkaitan dengan akidah, iaitu ajaran salah ehh, dan aaa aktiviti-aktiviti aaa perbuatan ataupun perbomohan yang berlaku di aaa khususnya di Negeri Melaka lah, yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah. Jadi peranan aaa peranan kan tadi soalankan?</p>
Pengkaji	Ye betul.
Informan	<p>Peranan kami di bahagian Penguatkuasaan ni aaa dia ada dua; yang pertama aaa daripada segi aspek penyelidikan. Yang mana... apabila kita menerima maklumat ataupun aduan daripada orang awam berkaitan daripada... aaa sesuatu aktiviti yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, termasuklah aktiviti yang berkaitan dengan aaa perbomohan ehh, jadi kita akan menjalankan penyelidikan... ehh yang tu penyelidikan, kita akan mengkaji ataupun kita akan mendapatkan maklumat-maklumat, apakah bentuk... aaa perubahan ataupun apakah bentuk aktiviti perbomohan yang dijalankan oleh aaa individu tersebut ataupun kumpulan tersebut. Adakah mereka ini bercanggah dengan aaa akidah Ahli Sunnah wal Jamaah aaa ehh ataupun kalau di Negeri Melaka ni, kita ada garis panduan, iaitu garis panduan amalan pengubatan dan perbomohan menurut Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Melaka pada tahun 2012. Enn jadi garis panduan ini satu orang kata panduan yang sangat penting untuk menentukan ataupun untuk memberikan panduan kepada kami di bahagian Penguatkuasaan ini, sejauh mana aktiviti perbomohan tersebut bercanggah dengan Islam ataupun tidak ehh. Jadi, perubahan-perubahan ataupun perbomohan aaa yang menggunakan nama Islam ni banyak ehh semuanya menggunakan nama Islam. Tetapi, kita kena lihatlah kita kena kaji sejauh mana mereka itu berlandaskan kepada hukum syarak haa bukanlah suatu aaa aktiviti perbomohan yang akhirnya bercanggah dengan akidah, kita selaku umat Islam kerana ini</p>

	<p>aaa perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah adalah suatu perkara yang amat penting ehh yang menjadi asas ataupun dasar kepada umat Islam. Jadi perkara-perkara begini yang bercanggah dengan akidah ini perlu dibendung. Haa jadi kita buat kajian, bila kita terima aduan, kita terima maklumat daripada orang awam, maksudnya kita buat kajian. Kita akan mengkaji sejauh mana aktiviti perbomohan itu bercanggah dengan agama Islam. Okay, kita akan mendapatkan maklumat dia, kemudian selesai kita mendapatkan maklumat-maklumat tersebut, kita akan hantar kepada Jabatan Mufti Melaka untuk penilaian kerana pihak yang berautoriti untuk menentukan sesuatu perubahan, sesuatu perbomohan itu bercanggah dengan Islam adalah Jabatan Mufti Melaka iaitu melalui Jabatan Kuasa Fatwa. Haaa jadi hasil daripada kajian itu kita akan bantangan kepada Jabatan Kuasa Fatwa, kemudian Jabatan Kuasa Fatwa akan menilai perkara tersebut. Dan sekiranya aaa Jabatan Kuasa Fatwa melihat dengan hasil daripada kajian dilakukan oleh pihak kami, maka aaa dia akan mengeluarkan fatwa lah. Haaa jadi dia akan mengeluarkan fatwa bahawa aaa ajaran ini ataupun amalan ini, ataupun aktiviti perbomohan ini adalah bercanggah dengan hukum syarak. Okay, jadi autoriti yang mengeluarkan sama ada dia daripada segi sudut aaa orang kata nak nak autoriti dari segi sudut undang-undang Jabatan Kuasa Fatwa lah ataupun Mufti. Kemudian di peringkat Jabatan Kuasa Fatwa setelah dia bersetuju ataupun dia melihat perkara tersebut bercanggah dengan hukum syarak, maka dia akan diwartakan fatwa tersebut. Dan setelah fatwa diwartakan, aaa barulah ada peranan yang kedua yang dimainkan oleh bahagian Penguatkuasaan iaitu penguatkuasaan. Yang mana kita akan menguatkuasakan aaa... orang kata fatwa tersebut jadi Jabatan Mufti dia dah keluarkan bahawa benda ajaran ni adalah salah atau aktiviti perbomohan ni adalah bertentangan hukum syarak. Jadi keluar fatwa ni fatwa pulak diwartakan. Dan setelah diwartakan barulah bahagian Penguatkuasaan mengambil tindakan penguatkuasaan ehh. Kita ada beberapa peruntukan ataupun seksyen-seksyen di bawah kesalahan, enakmen kesalahan-kesalahan Negeri Melaka untuk kita ambil tindakan kepada bomoh-bomoh ataupun perawat-perawat yang menggunakan nama Islam ini dan akhirnya ditentukan ataupun telah di... diberikan keputusan oleh Jabatan Kuasa Fatwa bahawa mereka ini bercanggah. Ha saya lupa, kita ada peranan yang ketiga. Peranan yang ketiga adalah kita mengadakan aaa program-program kesedaran juga kepada masyarakat. Maksudnya tadi kita kaji... kemudian kita buat enforcement dalam masa yang sama kita juga memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk aktiviti... untuk orang kata pencegahan lah untuk mencegah masyarakat untuk terlibat daripada aktiviti-aktiviti perbomohan yang bertentangan dengan hukum syarak.</p>
Pengkaji	<p>Hmm okay. Ini termasuk dalam emm cara pengawalseliaan yang dilakukan lah, peranan tu. Jadi seterusnya mungkin, apakah amalan-amalan penyelewengan yang sering dikenalpasti yang berlaku dalam kalangan pengamal pengobatan?</p>

Informan	<p>Okay, kalau secara umumnya kalau kita... boleh rujuk garis panduan amalan khurafat ehh, amalan sorry, amalan pengubatan dan perbomohan menurut Islam yang dikeluarkan oleh garis Fatwa, aaa per peee orang kata perawat-perawat Islam ni sering menggunakan aaa sering menggunakan nama Islam... ehh. Tapi kita kena lihat sejauh mana, sejauh mana aaa rawatan ataupun aaa aktiviti tersebut aaa menurut Islam lah. Okay, jadi kalau kita tengok garis panduan ni banyak okay antaranya aaa sebab aktiviti rawatan ni kebanyakannya dia berunsurkan yang benda kita tak nampak. Haaa menggunakan contohnya menggunakan khidmat jin, haa syaitan dan sebagainya, maka itu tentunya salah satu yang bercanggah dengan aaa ape perubatan yang bercanggah lah yang boleh membawa kepada syirik haaa aaa ehh. Jadi kalau kita garis panduan ciri-ciri perubatan Islam tidak melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada syirik. Haaa syirik mempersekutukan Allah lah maksud kita percaya ada super power orang lain yang boleh aaa mengubati ataupun menyembuhkan penyakit. Kemudian dia tak tahu ape yang dia baca. Main baca. Ada baca mantera-mantera ye ehh, ada juga perawat-perawat ataupun perubatan Islam ni baca ayat al-Quran tetapi aaa kadang-kadang ayat Quran ye tu pun tidak jelas aaa dia baca pun kadang dengan tajwidnya tah ke mana dan sebagainya kan. Jadi kita pun kadang-kadang tak dapat nak identify enn bila kita suruh ngaji Quran pun tak boleh baca Quran. Haaa bagaimana dia boleh membaca ayat tersebut, melalui hafalan tapi dia pun sendiri tak faham apa ayat yang dia baca. Kemudian menggunakan mantera-mantera kann banyaklah diseru-diseru nama nama yang tertentu, nama guru contohnya, kemudian ada roh boleh masuk dia dalam badan, boleh aaa berkomunikasi pulak dengan jin, syaitan dan sebagainya. Itu antara perkara-perkara ataupun aktiviti perbomohan ehh. Jadi aaa kemudian ada pulak yang menentukan bayaran-bayaran tertentu, haa sepatutnya kalau dia betul menjalankan perubatan ataupun rawatan Islam, benda ni mestilah dilakukan dengan ikhlas kann. Takde ditentukan berapa bayaran bayaran. Ini dia tentukan pulak buang saka 200 ringgit, buang jin nii. Bila tengok orang tu nampak ooo dibadan awak ni ada 5 ekor jin, haa boleh tahu pulak ada kiri kanan dan sebagainya kann. Jadi makhluk-makhluk ini diciptakan Allah sebagai tidak nampak. Bayangkan kalau kita duduk sekarang ini enn nampak jin, syaitan diciptakan oleh Allah tak nampak. Tapi kalau orang boleh nampak orang tu yang bermasalah sebenarnya ehh. Bayangkan kalau kita boleh nampak ooo sebelah kita ni jin, sebelah awak ni pun mungkin ada jin, belakang awak ni pun ada jin, awak datang tadi dengan 3 orang 3 ekor jin kann dengan encik datang tadi lah dan sebagainya, jadi Allah dah ciptakan jin syaitan itu satu makhluk yang tidak nampak tetapi macam mana pulak orang boleh kata dia nampak. Haaa maksudnya dia pun mungkin dalam tangan dia, dia pun jin (ketawa) maksudnya ada jin dalam diri dia dan hanya jin dengan jin boleh nampak kan. Haa jadi itu antara perkara-perkara kaedah-kaedah perubatan yang aaa meragukan ehh menggunakan tangkal, ada azimat-azimat tertentu, ada kepercayaan-kepercayaan tertentu emm buat sekian-sekian eh</p>
----------	---

	<p>dengan apa yang disuruh oleh ni, itu daripada segi sudut perubatan. Kemudian dari segi sudut akhlak pun kena tengok. Macam mana akhlak perawat Islam tu. Adakah dia sendiri tidak mengamalkan tatacara ataupun kehidupan sebagai seorang Islam, kalau perawat Islam tapi tidak menutup aurat dengan seluar pendek ehh ini takde. Ade juga kes, kita kata perawat Islam bila kita datang dengan seluar pendek tak menutup aurat kann, kemudian bersentuh dengan perempuan ketika rawatan tanpa ada nii, kemudian berdua-dua rawatan dengan perempuan dalam bilik tanpa ada... mahram ehh, kemudian menyentuh aaa tempat-tempat tertentu, jadi itu dari segi sudut akhlak akhlak perawat tu sendiri. Kalau betul-betul membuat rawatan Islam, bukan hanya kaedah rawatan tu tapi perawat tu sendiri kita kena lihat daripada segi sudut akhlak dia. Adakah dia tu mengamalkan nilai-nilai Islam, adakah dia tu melaksanakan syariat Islam. Kalau tak boleh baca Quran tetapi nak merawatnya aaa menggunakan ayat Quran, dia hanya sekadar hafalan pun susah juga, jadi kita tak tahu dan sebagainya. Jadi dua aspek tu kena tengok kaedah rawatan bagaimana perawat tu sendiri haa jadi itu antara perkara-perkara yang kita boleh lihat senario aaa pusat-pusat rawatan Islam ini.</p>
Pengkaji	<p>Okay jadi seterusnya apakah peruntukan ataupun enakmen yang boleh disabitkan atas kesalahan penyelewengan amalan perubatan Islam?</p>
Informan	<p>Okay, kalau kita merujuk enakmen kesalahan-kesalahan Negeri Melaka..., dia ada banyak kesalahan ye yang berkaitan dengan aaa akidah ini ehh. Contohnya kadang-kadang aaa perawatan Islam ini, dia juga terbabit dengan ajaran-ajaran yang meragukan, ajaran aaa salah. Okay, contohnya Seksyen 60. Seksyen 60 ni mengkhususkan berkaitan dengan ajaran salah, kadang-kadang memang ada perawat ni yang terlibat dengan ajaran-ajaran yang tertentu. Okay, kemudian kita ada Seksyen 61, mempermainkan ayat Quran atau hadith. Aaa ada perawat-perawat yang menggunakan wafa' yehh jadi wafa' ni pun sebenarnya meragukan, dan difahamkan ayat Quran ni ada... ada maksud-maksud tertentu di... diterjemahkan dalam bentuk simbol-simbol tertentu dijadikan tangkal dan sebagainya. Kita boleh mengatakan mereka ni mempermainkan ayat Quran dan hadith, itu Seksyen 61. Kemudian kita ada Seksyen 62, mempersendakan agama Islam em. Sesiapa yang mengolok-olok, mengajuk atau mengejek-ejek agama Islam, jadi kaedah dia merawat itu sekiranya... membawa kepada seolah-olah mencemarkan imej Islam itu, mempersendakan imej Islam itu, memperolok-olok kan imej Islam itu maka kita boleh ambil tindakan di bawah Seksyen 62. Okay, kemudian Seksyen 63 pun boleh, menghina agama Islam yang menghina agama Islam ini dia lebih kepada aaaa sekiranya aaa sesiapa secara lisan atau tulisan atau perakuan yang nyata sebarang cara membawa kepada mencela atau disifatkan sebagai menghina agama Islam so kita kena buktikan lah bagaimana perbuatan rawatan yang dia buat itu sampai peringkat menghina agama Islam dan satu lagi adalah Seksyen 65, menghina...</p>

	<p>aaa pihak berkuasa agama. Yang ini, sekiranya telah dikeluarkan fatwa, aaa contoh macam saya nyatakan tadi peringkat penyelidikan buat penyelidikan dan sebagainya kemudian dah ada fatwa dia, dah ada fatwa biasanya kita akan ambik bawah Seksyen 65 ni, kerana dia menghina agama pihak berkuasa agama iaitu menghina fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Melaka. Okay, kemudian satu lagi kita ada Seksyen 69 aa pemujaan. Sini sekiranya mereka melakukan... aktiviti pemujaan... perubatan... di tempat-tempat tertentu, kena puja kubur, kena puja pokok, kena pergi kat batu ni, kena pergi kat sini-sini dan sebagainya, kita ada Seksyen 69, iaitu siapa yang memuja pantai, pokok, kayu, padang, kubur, ataupun apa-apa sahaja maka dia boleh di di diambil tindakan lah dibawah Seksyen 69. Jadi, dia banyak sebenarnya berkaitan dengan kes-kes akidah banyak peruntukan-peruntukan kesalahan yang boleh diambil di bawah Sek Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, aaa sekiranya aktiviti-aktiviti... apa perubatan ataupun perbomohan ini bercanggah dengan aaa syarak.</p>
Pengkaji	<p>Okay baik jelas. Jadi seterusnya mungkin, apakah program-program yang dilakukan oleh emm Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka untuk menangani. Mungkin ada kursus-kursus yang dilakukan terhadap pengamal perubatan ataupun peserta-peserta untuk menjadi pengamal perubatan Islam.</p>
Informan	<p>Okay, sekarang ni segi satu perkara ehh aaa yang aaa orang kata yang yang dijalankan oleh bahagian Penguatkuasaan adalah aktiviti-aktiviti pencegahan yang mana kita ada unit yang khusus lah unit pencegahan aaa dan juga aaa yang menjalankan program-program bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam ehh. Jadi daripada segi sudut penguatkuasaan bukan bahagian Penguatkuasaan sahaja lah kalau kita ambil skop yang lebih luas, Jabatan Agama Islam Melaka sendiri banyak program-program yang berbentuk keagamaan yang kita laksanakan perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah, aaa aktiviti-aktiviti perbomohan ehh, banyak program yang kita jalankan. Kalau di peringkat umumnya, kita ada guru-guru takmir, emm guru-guru takmir yang mengajar di masjid haa seminggu sekali di masjid ni, seminggu sekali di masjid ni. Okay, kita memberi pendedahan kepada guru-guru takmir ni berkaitan dengan aktiviti-aktiviti perbomohan contohnya baru ni kita mengadakan aaa bukan guru takmir sahajalah juga kepada pegawai syarak ehh, pegawai-pegawai masjid ataupun imam, bilal dan sebagainya, kita adakan kursus pemahaman kepada mereka. Kita ada mengadakan macam seminar Ahli Sunnah wal Jamaah, kita masukkan aaa elemen-elemen perbomohan ini yang mana yang bercanggah dengan hukum syarak yang macam mana dan sebagainya kita jemput penceramah daripada Jabatan Mufti. Jadi mereka inilah agen-agen kami yang menjalankan aktiviti ataupun memberikan kesedaran kepada masyarakat di samping kelas-kelas takmir maka mereka pun akan memasukkan perkara-perkara ini haa itu dia yang pertama melalui guru-guru takmir, guru-guru halaqah yang kita ada di seluruh masjid</p>

	<p>Negeri Melaka, ada aktiviti takmir dan juga halaqah. Yang kedua, baru-baru ni pada bulan aaa Sembilan kita... aaa buat satu khutbah yang khusus aaa oleh Cikgu Shaari lah okay itupun ada input-input berkaitan aktiviti perbomohan yang mana kita buat aktiviti... bacaan khutbah tu kalau tak salah saya khutbah pada sama ada 9 September ataupun 16 September. Eh sorry aaa betullah aaa ataupun 2 September tapi bulan September punya khutbahlah berkaitan dengan aaa perbomohan ini. Ha maksudnya kita memberikan kesedaran kepada masyarakat dalam melalui khutbah... khutbah Jumaat yang disampaikan dan di seluruh masjid-masjid di Negeri Melaka. Okay, lain-lain tu banyaklah konferen-konferen, kita ada seminar akidah, seminar pemantapan akidah Sunnah wal Jamaah aaa kemudian (batuk) baru-baru ni kita terlibat dengan bengkel Al-Syifa. Bengkel Al-Syifa ini, Al-Syifa ini dibangunkan oleh KKM, Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana aaa sekarang KKM mempunyai Akta berkaitan dengan komplementari kan. Haa antara salah satu aaa rawatan-rawatan yang dibenarkan adalah rawatan di bawah rawatan Islam lah. Ha kalau cina dia ada dia punya tabib dia kan dibenarkan oleh KKM rawatan-rawatan komplementari kita panggil ehh, jadi perubatan Islam pun telah dimasukkan bawah salah satu. Antara yang dibenarkan dalam rawatan-rawatan komplementari. Haa maka kita diperingkat aaa... Melaka ni, kita juga terlibat dalam bengkel tersebut di mana selepas ini aaa ada kawalan. Maksudnya pusat-pusat rawatan ini kena berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan, haaa jadi mereka-mereka ini akan dirujuk kepada Jabatan Agama terlebih dahulu untuk mendapatkan ulasan, kita akan temu bual bagaimana kaedah rawatan dan sebagainya, barulah kita benarkan mereka ini didaftarkan di bawah KKM. Haa itu antara salah satu usaha untuk kita mengawal, kita kawal pusat rawatan Islam kerana sekarang ni pusat rawatan ini tumbuh macam orang kata apa cendawan lepas hujan. Banyak sangat yang menggunakan aaa nama-nama rawatan Islam ehh. Yang paling penting kita nak memberi kesedaran kepada masyarakat tu lah. Ha tu program-program kita pergi ke sekolah, kita pergi ke masjid-masjid, bagaimana kita nak memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan dengan rawatan Islam.</p>
Pengkaji	<p>Okay macam yang aaa ustaz cakap berkaitan dengan Al-Syifa tu, mungkin aaa ustaz boleh jelaskan prosedur mungkin seseorang untuk menjadi pengamal perubatan. Jadi setakat ini adakah daripada Melaka yang berdaftar dengan aaa KKM ke macam mana? melalui</p>
Informan	<p>Benda ni masih lagi di peringkat awal. Okay, masih di peringkat awal yang mana KKM aaa minta kepada... setiap Jabatan Negeri sekiranya mereka ni kena buat permohonanlah kepada KKM untuk didaftarkan dibawah Komplementari tersebut, sekiranya dia orang Melaka, KKM akan rujuk Negeri Melaka lah. Setakat ni di Melaka ada satu permohonan, tetapi masih lagi dalam peringkat... orang kata belum diluluskan lagi lah. Sebab kami pun masih sangat baru, baru lagi dimasukkan dan Al-Syifa ni pun baru lagi dilaksanakan. Buat masa ni</p>

	setakat ini ada satu permohonan tapi masih lagi di peringkat kajian, masih lagi tak diluluskan lagilah.
Pengkaji	Okay baik. Seterusnya emm bagi pendapat encik, apakah aaa cabaran-cabaran dakwah dalam menangani isu penyelewengan amalan perubatan Islam?
Informan	<p>Okay, kalau cabaran ni... saya rasa yang paling utama kefahaman masyarakatlah. Macam mana masyarakat ni faham. Aaa, orang kata latar belakang aaa ape pengetahuan agama dia tu macam mana kerana perkara ini melibatkan kes akidah. Sekiranya akidah tu kuat, masyarakat tu kuat, masyarakat takkan mudah percaya kepada aktiviti-aktiviti ataupun perbomohan yang bertentangan dengan hukum syarak. Haa itu cabaran dia sebenarnya yang paling utama sekali yee. Haa saya nampak itulah kalau masyarakat faham yang menyembuhkan adalah Allah Taala enn masyarakat tak akan pergi ke bomoh-bomoh ni. Dia dengar cerita dia dengar orang ni pergi sembuh, dia pergi tak sembuh pulak kann dah dia balik dia frust pulak haa, kerana dia tak yakin kesembuhan dia itu daripada Allah Taala. Tapi kalau kita takda masalah untuk berubat kita mendapatkan perubatan Islam ehh tapi biarlah yang betul-betul orang kata mengikut hukum syarak ehh. Macam saya kata tadi ada dua aspek; orang yang mengubat ni dengan kaedah yang mengubat dia, orang yang mengubat dia macam mana, aaa kaedah yang dia berubat tu macam mana adakah ikut hukum syarak atau tak kan. Jadi macam masyarakat, masyarakat lebih percaya dengan cerita-cerita tertentu. Orang ni pergi sembuh, orang ni okay haa boleh berjalan dan sebagainya. Jadi kalau masyarakat percaya perkara-perkara tersebut rosaklah. Haaa maksudnya pengetahuan dia nipis lah, maksudnya akidah dia tu lemah kann kerana dia percaya benda-benda yang ada superpower, ataupun ada kuasa lain yang menyembuhkan selain Allah Taala enn haa. Memang ada setengah masyarakat dia kata takpe kita ikhtiar je, ye kita ikhtiar tapi biarlah ikhtiar kita itu betul selari dengan hukum syarak kann. Kalau kita pergi tetapi boleh membawa kepada syirik, boleh membawa kepada khurafat atau boleh membatalkan akidah kita, iman kita, jadi kefahaman masyarakat itu yang ialah masyarakat kalau petua tu lain petua kan kita ada petua ni okay lah kan, keyakinan kita masih pada Allah Taala kan, tapi ini yang terus percaya terus kepada ni aaa percaya pulak benda-benda ghaib enn, nampak jin, haa nampak ini aaa ni ada 10 ekor ni ada 20. Itu istilah biasa yang digunakan oleh perawat-perawat. Saya nampak ni, kita takt ahu di mana datang ye kan, jin dia sendiri ke jin orang lain ke Wallahualam ehh. Kita tak tahu, itu cabaran yang pertama. Cabaran yang kedua, mungkin kita takda satu bentuk kawalan ataupun peruntukan undang-undang yang betul-betul mengawal ha kalau ada contohnya enakmen kawalan pusat rawatan Islam haa kan, jadi yang KKM baru buat ini adalah komplementari. Dia bukan macam mana eh, dia dari sudut medical sahaja, dia mungkin dari sudut spiritual dia belum lagi ke arah itu. Jadi kalau di peringkat kita, kita ada satu bentuk kawalan aaa daripada segi sudut peruntukan undang-undang itu sendiri lebih mudahlah. Haa</p>

	<p>maksudnya semua kena berdaftar dijadikan satu kewajipan untuk berdaftar, jadi semua perawat-perawat Islam yang menggunakan nama-nama Islam ini tak kira lah siapa pun dia kena berdaftar. Kemudian aaa... perawat-perawat itu sendiri lah menjadi cabaran juga kepada kita, daripada mereka ni belajar, daripada mereka ni menuntut ilmu tersebut, boleh pulak nak mengubat secara jarak jauh kann sedangkan ialah mengubat jarak jauh bagaimana dia menggunakan apa, haa tentu dia menggunakan benda-benda yang ghaibiyat ni, benda-benda yang tak betul kan, sedangkan perubatan jarak jauh kalau kita tengok daripada garis panduan ini memang satu benda yang salah yang tak tak selari dengan hukum syarak kann. Jadi itu antara cabaran-cabaran masyarakat, cabaran kita bila kita nak buat tindakan mungkin masyarakat akan fikir kata macam ehh terlampau strict sangat, masyarakat apa Jabatan kamu ni KuatKuasa ni takkan semua benda-benda tu tak boleh pulak kita kata tak semua kita kata tak boleh, ada yang boleh, yang boleh yang selari dengan hukum syarak, yang memang jelas maksudnya bila kita pergi kita nampak kita boleh dengar dengan jelas apa yang dia baca ayat Quran apa yang dia baca, betul kan yang dia baca kann dan dia berubat tidak dalam keadaan yang syak, tidak menyentuh aaa dalam orang kata apa keadaan sesuka hati dan sebagainya. Kita akan lihat benda-benda macam ni, dan endingnya kita akan tengok ooo masyarakat akan menyalahkan satu pihak sahaja kerana masyarakat ni tak berapa kuat lagi tak faham lagi tak jelas akidah tu tak kuat iman tu tak kuat. Jadi dia mudah percaya dengan benda-benda macam ni.</p>
Pengkaji	<p>(bunyi batuk) Jadi tu antara cabaran tu encik masukkan sekali macam kelemahan-kelemahan yang adalahlah dalam masyarakat kan, okay okay. Setakat ni itu sahaja soalan saya. Cuma saya ada beberapa soalan berkaitan dengan kajian saya.</p>
Informan	<p>Okay</p>
Pengkaji	<p>Mungkin saya boleh terangkan kepada encik apa yang ehemm apa yang menjadi berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini saya dah aaa buat proposal ni setahun yang lepas, jadi emm saya yang tentang kes Adi semua tu baru-baru ni kan jadi saya dah pilih Adi sebelum lagi kes ni. Jadi saya memang secara khusus saya nak mengkaji kaedah haa yang digunakan oleh Adi. Bukan nak claim terus aaa penyelewangan yang dilakukan. Jadi saya nak kaji kaedah-kaedah apa yang dia buat hmm bagaimana yang dia lakukan haa dia macam tu lah. Emm tu yang sebab tu saya terus pilih Jabatan Agama Melaka untuk mengetahui kaedah sebabkan saya sebelum ni saya ada call Jabatan Agama Melaka saya ada bagitahu saya nak buat kajian terhadap Adi, jadi emm saya nak buat direct terus kepada Adi mungkin saya akan buat temu bual secara lansung tapi mungkin saya bila saya call tu mungkin aaa Jabatan Agama kata mungkin boleh minta keizinan kepada pihak Penguasa jadi saya terus haa direct kepada pihak Penguasa Jabatan Agama.</p>

Informan	<p>Okay yang untuk berkaitan dengan kajian yang aaa ape ni yang dilaksanakan lah berkaitan dengan individu tersebut kan, jadi di peringkat Jabatan Agama aaa perkara tersebut masih lagi di peringkat aaa... siasatan, dan kajian di peringkat kita lah. Aaa sehingga kini masih belum ada satu keputusan ehh yang boleh aaa orang kata apa mengatakan... kaedah perubatan yang dijalankan itu aaa tidak betul ataupun tidak... ber bersalahan cuma apa yang telah dijelaskan adalah kaedah tersebut meragukan meragukan dan umat Islam di Negeri Melaka diminta untuk menjauhilah. Jadi dia belum sampai di peringkat aaa... dah ada keluar... keputusan dari Jabatan Kuasa Fatwa. Jadi saya tak boleh nak ulas aaa lebih lanjut ehh jadi mungkin daripada segi sudut aaa kajian cik kaji itulah yang dapatan cik, bukan dapatan Jabatan Agama bukan aaa stand Jabatan Agama, emm mungkin kalau cik kata kaedah perubatan tu bertentangan dengan Islam, tu cik punya kajian lah tetapi dari aspek Jabatan Agama kita sedang siasat dan kita sedang mengkaji benda ni dan emm macam saya cakap di awal tadi aaa pihak yang berautoriti untuk mengeluarkan sama ada aaa individu tersebut menjalankan aktiviti ape bersalahan dengan hukum syarak adalah Jabatan Kuasa Fatwa. Aaa jadi sehingga kini kita masih menunggu aaa keputusan daripada Jabatan Kuasa Fatwa, dan sekiranya aaa Jabatan Kuasa Fatwa telah haa ataupun telah pulak, akan orang kata nantilah dia akan keluarkan keputusan dia aaa so kita akan ambil tindakan yang selanjutnya lah. Sama ada kalau Jabatan Kuasa Fatwa tak bercanggah maka takda apa-apa tindakan lah. Tapi sekiranya Jabatan Kuasa Fatwa kata bercanggah kita akan pergi kepada aspek berikutnya iaitu aspek penguatkuasaan. Kita dah panggil dah dia individu tersebut, kita dah temu bual, kita dah dapatkan apakah bentuk-bentuk aaa perubatan ehh, video-video dia pun kita tengok, bukan kita tak pantau ehh, Facebook dia dan sebagainya semua kita tengok tapi macam saya katakan tadi kita masih di peringkat siasatan dan kajian di peringkat kita, dan... aaa kita menunggu keputusan daripada Jabatan Kuasa Fatwa.</p>
Pengkaji	<p>Ehemm, okay baik. Jadi mungkin boleh saya tahu tempoh emmm Jabatan Kuasa Fatwa untuk mengeluarkan sesuatu keputusan?</p>
Informan	<p>Haaa itu bergantunglah kepada perkara-perkara yang aaa kertas yang kita bentangkan, biasa kita akan bentangkan kertas kajian kita, kemudian sekiranya Jabatan Kuasa Fatwa tidak berpuas hati, mungkin kena laksanakan kajian lebih mendalam lebih lanjut maka akan return back balik kepada kita lah. Haaa sesuatu keputusan Jabatan Kuasa Fatwa ni tak mudah ehh bukanlah aaa kita boleh aaa hantar macam tu sahaja, dan benda-benda macam ni pun kita tidak boleh hanya berdasarkan esei dengan cakap sahaja, orang cerita macam ni orang cerita macam ni kansx, jadi Jabatan Kuasa Fatwa sendiri pun kena berlaku adil supaya kita tidak boleh sewenang-wenangnya nak mengatakan seorang itu aaa sesat, seorang itu akidah dia terbatal, seorang itu menyeleweng, ni bukan satu perkara yang mudah ehh, jadi kadangkala dia mengambil masa lah mengambil masa berbulan-bulan mungkin ada yang makan tahun juga aaa kerana kalau dah keluar</p>

	Jabatan Kuasa Fatwa punya keputusan peringkat seterusnya adalah kena diwartakan pasal pewartaan pun ambik masa ehh (batuk) jadi kena diwartakan kerana lepas diwartakan barulah boleh di ambil untuk penguatkuasaan.
--	--

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Lampiran 10: Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002



MELAKA

**ENAKMEN 9 TAHUN 2002
ENAKMEN TATACARA JENAYAH SYARIAH
(NEGERI MELAKA) 2002**

rikkh Perseetujuan DiRaja -
rikkh disiarkan dalam Warta -
rikkh mula berkuatkuasa -

21 November 2002
28 November 2002
14 Jun 2003 [M.P.U. 16/03]

SUSUNAN SEKSYEN

UNIVERSITI SAINS
الإسلامية العالمية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY

Lampiran 11: Garis Panduan Amalan Pengubatan dan Perbomohan Menurut Islam



GARIS PANDUAN
AMALAN PENGUBATAN
DAN PERBOMOCHAN
MENURUT ISLAM

جَابَتْنِ مُفْتِي نَسْكَرِي مِلَاكْ
Jabatan Mufti Negeri Melaka

Lampiran 12: Sesi Temu Bual bersama Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa')



Temu Bual bersama Tuan Haji Salleh Bin Hassan, Timbalan Ketua Lajnah Tarbiyyah, Disiplin & Tatatertib Darussyifa'

Lampiran 13: Soalan Temu bual Darussyifa'

1. Apakah skop tugas / peranan sebagai Lajnah Tarbiyyah, Disiplin & Tatatertib?
2. Bagaimanakah pengawalseliaan dijalankan terhadap pengamal pengubatan Islam Darussyifa'?
3. Adakah terdapat kes penyelewengan yang telah dikenalpasti dalam kalangan pengamal Darussyifa'?
4. Apakah tindakan Darussyifa' sekiranya terdapat pengamal Darussyifa' yang melakukan kesalahan etika dan syariah?
5. Apakah jenis-jenis kesalahan ataupun penyelewengan yang dikenalpasti sering berlaku dalam kalangan pengamal pengubatan Islam pada masa kini?
6. Apakah aktiviti atau program yang dijalankan dalam menangani penyelewengan dalam kalangan pengamal Darussyifa'?

Lampiran 14: Transkripsi Temu bual bersama Darussyifa’

Nama Pegawai : Salleh bin Hassan
Tarikh/Hari : 14 Januari 2023 / Sabtu
Masa : 3.28 Petang

Pengkaji/ Informan	Transkrip Temu Bual Informan
Pengkaji	Ustaz, boleh ustaz peranan Lajnah Tarbiyyah, Disiplin & Tatatertib?
Informan	<p>“Lajnah ni aaaa... Bila saya ambil alih Lajnah aa Tarbiyyah, Disiplin dan Tatatertib di Darussyifa’ ni kita ada satu teamlah. Daripada ketua Lajnah, timbalan ketua Lajnah, lepas tu kita ada setiausaha dan ada beberapa ajk yang dilantik. Sebab Lajnah ni dia tak boleh berseorangan, dia mesti ada team dia untuk kawal selia masalah-masalah yang akan datang aaa yang mendatang. So, saya ni aaa timbalan ketua lajnah. Saya dah minta izin dengan saya punya ketualah, Ustaz Rashid. Okay jadi aa sebagaimana yang ain eh? Darussyifa ni kita ada visilah ada visi aaa dan misi semua ada kan, cumanya saya nak aaa beritahu visi Lajnah ni. Visi Lajnah Tarbiyyah ni lah aaa yeh. Visi kita ni aa kita nak menerapkan aa Tarbiyyah, Disiplin kepada semua ahli dan perawat-perawat Darussyifa’, haa kita kena bagi Tarbiyyah semualah aaa yang mana untuk melaksanakan tindakan aaa Tatatertib kepada ahli ataupun perawat yang gagal mematuhi peraturan ataupun dari segi rawatan yang telah ditetapkan dengan undang-undang sedia ada bagi memastikan ahli perawat beretika dan berintegriti. Maknanya, Lajnah kita ni aaa kita ada satu visi, kita akan pastikan aaa perawat-perawat kita ni sentiasa diberi aaa apa tu nasihat, pandangan, aaa dan ada juga kita pun adakan kursus daripadanya, bengkel yeh. Kita akan terapkan supaya aaa perkara-perkara tak sepatut berlaku tidak berlaku tapi dalam pada ini pun ada juga berlaku. Jadi aaa Tarbiyyah ni sangat pentinglah kepada bukan saja pada Darussifa’ semua organisasi pun, Tarbiyyah tu sangat pentingkan cumanya dari segi aa kita nak kawal selia perawat-perawat ni.</p> <p>Unit Tarbiyyah kami ni aa ikut kita pentingkan akhlaklah akhlak perawat itu sendiri yee akhlak perawat itu mengikut keseluruhan kehidupan mereka, bukan saja di Darussyifa’ dia di luar pun dia kena jaga sebab dia dah jadi perawat Darussyifa’ dia kena bawa identiti dia sebagai seorang perawat Darussyifa’. Dia tak boleh kata dia Darussyifa’ dia kena tunjuk aaa apa ni sopan santun dan sebagainya</p>

tapi di luar Darussyifa' dia lain. Tak boleh macam tu ye sebab dia kena seiring dia kena bawa nama Darussyifa tu sekali lah yehh. Kita punya unit ni merangkumi semua kehidupan termasuk dari segi kawalan nafsu, aaa jujur dalam percakapan, ihsan dalam amalan, emm amanah dalam amalan, berani dalam memberi pandangan, adil dalam hukum, berazam untuk kebaikan, dan sebagainya. Haa itu itu Tarbiyyah yang kita nak terapkan pada semua perawat-perawat Darussyifa' memang itu yang kita punya tujuan supaya nak mengelakkan daripada perkara-perkara yang tak sepatutnya.

Terdapat beberapa elemen-elemen pentinglah dalam Tarbiyyah ni yang harus di aplikasikan oleh setiap ahli ataupun perawat Darussyifa' yee, antaranya dia kena sabar dalam apa jua keadaan yang dihadapi sabar sangat penting. Okay, jadi anda dah dengarkan jerit-jerit harini dia nasiblah, minggu lepas tak sangat tapi harini dia jeritkan kita pun macam mana kita nak kawalkan itu pun kena tahap kesabaran yang sangat tinggi yee sangat tinggi sabar. Kedua kita kena tetap pendirian, istiqamah, iltizam dalam ujian. Dalam Darussyifa' dia kena satu kezaman tanam betul-betul. Kalau kita masuk aa Darussyifa' Darussyifa'ni sambil lewa kita dia tak jadi tak jadi okay. Haa yang ketiga mesti ada wawasan wawasan dan mempunyai azam yang tinggi, tidak putus asa. Tidak mudah putus asa dalam apa saja cabaran yang datang ha Darussyifa' ni. Dan yang akhirnya haa sebagai perawat Darussyifa' pengamal perubatan ni kita kena mencurahkan tenaga kita dengan gigih, berusaha dan kita jangan lepaskan daripada Jemaah kerana Jemaah itu sangat penting. Itu yang Tarbiyyah Lajnah kamilah aa untuk kita mendidik perawat-perawat supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tak sepatutnya berlaku.

Okay saya nak cerita sedikit semasa almarhum Tuan Guru Antum alhamdulillah aa mungkin ada perkara-perkara yang berlaku tetapi ia tidak di "*highlight*" kan mungkin ada sepanjang saya bersama Tuan Guru tetapi saya tak pernah dengar kes-kes perawat-perawat yang teruk, takde. Tetapi bila Tuan Guru sudah meninggal, sebulan almarhum meninggal timbul masalah disiplin, masalah penyelewengan, masalah perawat tidak amanah dan sebagainya. Jadi saya terpikir masa tu saya bukan bukan Penolong Lajnah (Bunyi vibrate telefon) Saya bukan Penolong Lajnah (Informan diam seketika) Jadi bila saya dilantik sebagai apa ni Lajnah Disiplin ni saya sebenarnya rasa taknak sebab aaa salah satunya Lajnah yang orang tak suka mana-mana organisasi pun memang orang tak suka memang orang. Jadi saya pegang amanah Tuan Guru, Tuan Guru punya pendirian sekiranya dia melantik seseorang itu untuk aaa menjadi tenaga kerja Darussyifa' sekiranya orang seseorang itu tolak Tuan Guru akan putus takkan lantik lagi orang tu sampai bila-bila. Dia kalau lantik tu dia mungkin ada kepercayaan yang dia nampak dari

	<p>seseorang itu, dia lantik tapi betul-betul kata saya tak boleh dia tak marah dan dia kata takpe dan bagi saat itu orang itu akan rasa terasing dirilah dan dia Tuan Guru takkan layan dialah. Jadi saya masa dilantik itu saya menolak pada asalnya tapi Ustaz Rashid emm ingatkan saya dia kata, ingat tak dulu kisah Rasulullah SAW, saya kata saya ingat tapi Lajnah ini saya tak suka saya tanya tak suka. Kita nak mensiasat orang dan sebagainya orang tak suka ustaz, takpe-takpe ini cabaran. Jadi saya terima amanah ini dan saya terpaksa ada something dan saya terpaksa buat satu satu ni lah ni apa namanya saya terpaksa bangunkan aa bukannya Darussyifa' saya terpaksa buat sendiri jadi saya maklumkanlah dan alhamdulillah Pengerusi sendiri bersetuju dengan dengan saya buat saya kena maklumkan supaya aa benda tu tak berlaku lagi dalam kalangan perawat Darussyifa'. bayangkan saya pegang aa 7 bulan ada 6 kes salah laku perawat-perawat yang sangat series sangat series. Jadi Lajnah Disiplin dan Tarbiyyah dia perlu strong dia punya was dia punya apa tuu dia panggil apa dia ehh asas dia tu betullah kena kuatlah.</p> <p>Alhamdulillah, alhamdulillah ada 6 kes sekarang ada 7, 8 10 kes sekarang ni saya terpaksa series dan tegas itu sahaja. Dan saya tak bertindak ikut perasaan saya saya bertindak emm sebab Darussyifa' kita ada etika kita takde undang-undang kita ada etika jadi kita berpegang pada etika yang telah di di luluskan oleh almarhum Tuan Gurulah tapi itu pun etika itu pun perlu diperbaiki. Biasalah kerajaan pun lama-lama dia akan bertindak aa jadi saya bila ada sesuatu kes yang melibatkan kes jenayah polis dan sebagainya saya akan refer kepada jabatan peguam negara sebab saya daripada jabatan peguam negara jadi saya saya ada satu "<i>chances</i>" yang paling baik saya berhubung dengan emm "<i>lawyer-lawyer</i>" sana yang sudi membantu saya bila ada kes macam ni saya akan terus refer pada dia, dia bagi saya jalan dan saya akan bincang dengan team saya team saya gini-gini bermesyuarat pastu kita buat usul, tengok kes kita dah ambik usul tu dan kemudian kita akan bentang kepada pengerusilah, setelah pengerusi bersetuju kita akan keluarkan adalah jenis "<i>sentence-sentence</i>" yang kita keluar. Saya rasa cukup kot dari segi yang pertama tu skop peranan Lajnah. Lepas tu nak saya ceritakan misi Disiplin supaya kita.</p>
Pengkaji	Hmmm boleh.
Informan	Kita yang Tarbiyyah kita tujuan kita kita nak nak Tarbiyyah kepada semua. Kita nak jadikan Darussyifa'ni mempunyai produk-produk yang berkualiti, berintegriti, beristiqamah dan sebagainya. Saya nak itu. Kesalahan itu mesti ada, kita bukan malaikat. Kita ni mesti ada buat kesilapan tapi saya taknak kesilapan itu boleh membuatkan dia menjadi barah kepada Darussyifa'. Saya nak jaga Darussyifa' saya. Kalau rasa kita tak boleh dengan Darussyifa' lebih baik kita undur diri.

Jangan kita aaa apa ni terpalitkan nama Darussyifa' sebab kita semua sedia maklum antara yang terkenal Darussyifa' peringkat antarabangsa pun dia kenal dengan Darussyifa', jadi kita kena sayang Darussyifa' saya buat ni sebab saya sayang Darussyifa'. Darussyifa' adalah almarhum Tuan Guru, Tuan Guru almarhum adalah Darussyifa'. Hmm okay, itu dari segi Tarbiyyah. Memang kita nak "all out" untuk jaga perawat-perawat kita supaya tidak tersasar atau tergelincir daripada landasan yang yang dibawa oleh almarhum Tuan Guru. Itu tarbiyyah kita.

Okay, dari segi Disiplin pula, Disiplin unit Disiplin kita tujuan sebelum itu untuk mencegah mana-mana ahli ataupun perawat yang di dapati bersalah dari mengulangi kesalahan mereka. Kalau ada kita akan panggil nasihat dan sebagainya lah kan. Yang keduanya, kita membantu ahli ataupun perawat yang bermasalah ni dari mempengaruhi perawat-perawat lain. Dia ada masalah tapi dia merawat orang lain pula jadi itu kita taknak lan kan. Yang ketiga, kita nak bantu memperbaiki tingkah laku ahli itu ataupun perawat itu sendiri yang di dapati bersalah. Dengan syarat kita bantu dia, kita tak juga nak hukum dia kita bantu dia kita nak bagi dia sedar dan sebagainya. Okay, aaa lepas tu yang keempat setiap kesalahan yang terbukti dan sabit kesalahan akan mendapat hukuman yang setimpal. Bila kita datang panggil dah nasihat dan sebagainya dah buat secara baik dah nak buat jugakan aaa kita buat tindakan lah. Kita takde ambil tindakan membabi buta tidak kita kena tengok juga step by step sampailah betul satu peringkat baru kita ambil tindakan okay.

Okay, matlamat kita pula, aa matlamat kita kita nak melahirkan ahli ataupun perawat Darussyifa' yang berakhlak mulia aaa ini memang kita tahulah hasrat almarhum Tuan Guru kita ni emm dia nak perawat-perawat Darussyifa' ni mashaAllah. Kita tak boleh ikut Tuan Guru tapi kita nak jadi anak murid dia kita ikutlah cara Tuan Guru aa yang boleh kita boleh tak boleh tak boleh, tapi kadang-kadang yelah bila Tuan Guru dah takde saya rasa mungkin semangat ahli ataupun perawat itu sendiri yang buat kita jadi apa tu terpesong ataupun dia boleh buat sesuatu benda yang tak sepatutnya lah. Ini yang saya nampak yee. Okay itu yang pertama. Yang keduanya, kita nak wujudkan aaa sifat saling hormat menghormati antara satu sama lain dan mempunyai semangat setia kawan serta kekitaan. Emm itu tujuan kita yee. Yang ketiga, melahirkan perawat yang bertanggungjawab, tahu menjaga diri, dan menjadi emm perawat yang baik dan berintegriti. Itu sebab saya tekankan. Memang saya tekankan aa macam saya sekarang saya ketua perawat sabtu petang dan saya juga ketua perawat di PRK Cheras. Saya tekankan aa saya nakkan perawat-perawat di bawah seliaan saya perawat yang pertama dia ada kualiti, berkualiti, berintegriti, dia istiqamah dan sedia ditegur apabila ada

	<p>kesilapan-kesilapan yang dibuat. Saya tak nak publisiti, publisiti tak ke mana emm okay. Emmm yang keempat, memberi layanan dan hak sama rata di tangan perawat-perawat emm. Kita bagi sama rata takde yang kita bagi lebih takde yang ni takde. Kalau itu, itu jadi masalah juga pada perawat-perawat, kenapa yang ini ustaz lebihkan kenapa yang ni ustaz kurangkan, jadi di situ nanti akan buat emm apa salah satu daripada emmm sangkaan saling perawat kan jadi dah amalan tu memang tak baiklah jadi saya kena tegas. Sama je.</p> <p>Saya kalau ada silap ke ada apa ke saya tengok keadaan dan saya akan bercakap selepas aaa kami akan solat asar, lepas solat asar kami ada break sekejap untuk minum petang masa minum petang tu baru saya akan turun dan “<i>brainwash</i>” kepada perawat-perawat saya. Aaa apa yang patut kita buat apa yang tak patut kita buat apa yang orang ni buat kita akan jadikan satu pengajaran pada perawat-perawat supaya jangan berlaku di unit kitalah. Sebab saya ada ketua dia. Dan yang terakhir kita kena maklumkan kepada perawat bahawa aaa maklumkan bahawa perawat yang didapati dan terbukti bersalah akan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan dia. Emm macam tulah buat apa saja kita akan maklumkan lah kalau dia buat juga dia akan dapat ni lah hukuman-hukuman yang sepatutnya lah untuk kesalahan yang kena buat. Tapi apa yang saya dapat sekarang ni semua kesalahan-kesalahan yang melibatkan jenayah lah melibatkan polis. Saya dah 36 tahun dalam khidmat emm kerajaan yee saya dah banyak kali naik tangga untuk bagi statement masa Darussyifa?</p>
Pengkaji	Boleh saya mencelah?
Informan	Boleh.
Pengkaji	Mungkin ustaz boleh kongsi kes-kes yang berkaitan kes contoh kes sehingga melibatkan contoh kes jenayah yang di lakukan oleh perawat?
Informan	Boleh. Ermm saya habiskan dulu ye.
Pengkaji	Boleh.
Informan	Tadi Disiplin. Sekarang ni Tatatertib lah. Okay Tatatertib pula aaa dia perlu menubuhkan satu jawatankuasa kecil Tatatertib mengikut negeri. Negeri tu mesti ada sebab kalau apa berlaku di negeri, negeri akan mengambil tindakan dan negeri akan hantar laporan kepada saya lah. Kalau negeri tak boleh selesaikan, saya akan turun dengan team saya untuk menyelesaikan masalah di negeri. Contohnya saya ada satu kes di Kelantan, maknanya kes tu dah berlaku selama 3 tahun tapi perawat dan pesakit ini mendiamkan diri tak tahu kenapa tiba-tiba last year dia apa “ <i>personel call</i> ” saya apa semua jadi saya pun walaupun WhatsApp tapi sangat rasmi lah. Sebab dia kata WhatsApp ehh sangat rasmi lah jadi saya suruh dia buat juga secara bertulis jadi saya bincang dengan

ketua perawat dan ketua Lajnah, lepas tu bincang dengan Pengerusi dan Pengerusi kata okay, sila turun dan buat siasatanlah. Jadi alhamdulillah saya berjaya selesaikan dengan secara baik, saya tak nak menghukum aa sebab kita sayangnya. Mungkin mungkinlah apa nama ikut nafsu dan sebagainya. Mungkin mereka itu tidak ditengok, tidak dipantau mungkin boleh berlaku. Kita ada 96 cawangan, bayangkan saya tak tak sanggup nak pergi ke semua negerikan kecuali ada masalah sahaja.

Okay itu yang pertama kita tubuhkan jawatan kecil mengikut negeri. Kedua, menguruskan tindakan tatatertib terhadap perawat yang telah melakukan jenis salah laku kepada Lajnah, apa salah laku dilaporkan kepada saya, kita akan tengoklah ehh dan kita tengok. Kita akan berpandukan jenis-jenis kesalahan itu melalui buku etika itu. Yang ketiga, mentafsir dan menentukan kesalahan yang dilakukan oleh perawat sama ada kesalahan tersebut dalam kategori kesalahan kecil ataupun besar aa yang saya sebutkan tadi. Yang keempat, mencadangkan bentuk hukuman tatatertib yang sewajarnya akan diambil oleh jawatankuasa tertinggi Darussyifa' yee terhadap perawat yang di dapati bersalah. Contohnya, kalau saya dah panggil apa semua aaa saya akan bermesyuarat dengan team saya dan aaa kami akan buat rumusan dan kami akan syorkan jenis kesalahan itu kepada pengerusi, lembaga lah lembaga Darussyifa' tertinggi, aa dia akan tengok syor saya itulah Lajnah kalau syor itu dia rasa munasabah dia boleh menerima syor saya dan kalau tidak dia boleh jawatankuasa tertinggi boleh jatuhkan hukuman sendiri. Lajnah tak boleh dia hanya melalui syor sahaja. Yang kelima, menyediakan laporan kesalahan tatatertib yang di ambil telah di ambil tindakan dan di jatuhkan hukuman kepada emm apeni perawat mengikut negeri. Emm kalau dah selesai kita akan buat laporan kalau lembaga dah bersetuju kita akan buat surat kepada negerilah dan dipusatkan mengenai kesalahan tu dan apakah bentuk hukuman itu untuk dimaklumkan kepada perawat itu.

Okay aa seterusnya proses pengendalian Tatatertib terhadap perawat yang melakukan kesalahan dasar pelaksanaan tindakan Tatatertib, kita ada carta tatacara pengendalian, tindakan Tatatertib dan yang terakhir tindakan Tatatertib yang boleh di ambil melihat kepada berat ataupun ringan kesalahan yang dilakukan. Senang kita ada buku itu kita akan emm bentangkan buku etika itu, tapi buku etika itu pun dalam proses kami sedang buat untuk penambahbaikan, insyaAllah hari Ahad malam Isnin malam, kita ada bermesyuarat kita nak buat pindaan dan lepastu kita akan bentang dalam jawatankuasa Darussyifa' untuk pengurusan, pertimbangan dan sebagainya. Kalau lulus kemungkinan kita akan tambah baik aaa etika tu. Tapi saya punya pandanganlah sebab saya saya pun baru lagi mungkin yang terdahulu tu terlepas pandang wallahualam, sepatutnya Darussyifa' dah wujud lebih kurang

	<p>dalam 40 tahun Darussyifa' semesti sudah memiliki undang-undang Darussyifa' itu sendiri tapi sehingga saat ini takde undang-undang hanya etika sahajalah. Tapi takpe saya akan syorkan jugalah supaya bila kita ada satu undang-undang lagi senang sebab bila saya aa ada kes jenayah polis, saya tak berani nak amik nak jatuhkan hukum sebab kita pun bukan ahli pun sebenarnya. Jadi bila mungkin saya ni ada saya bekerja dengan jabatan peguam negara kan saya rasa "contact" saya rasa "contact" dengan timbalan pendakwa raya berkaitan kes-kes dia baik dengan saya dia tanya saya satu je, "Ustaz Darussyifa' ada undang-undang tak?" Saya kata takde. Kalau takde susah nak ambil kita ada etika tapi etika ni tak strong. Jadi tu lah saya berhasratlah kalau boleh dapat diwujudkan undang-undang Darussyifa' sendiri. InsyaAllah nanti saya tanyakan perkara ini kepada pengerusi. Okay itu dari segi soalan pertamalah kan itu.</p> <p>Okay yang kedua, bagaimanakah pengawal seliaan menjalankan terhadap pengamal perubatan Islam Malaysia? Saya rasa dapat tak tadi?</p>
Pengkaji	Emm masuk juga tadi.
Informan	<p>Kawal kan? Kawal tu dengan cara peranan kitalah perawat-perawat ini yang boleh mengawal adalah pengurus, pengarah dan ketua perawat. Mereka 3 orang ni yang ada jawatan ini merekalah yang harus mengawalselia perawat-perawat ini. Dia kena sentiasa pantau perawat dia aaa, pada pandangan saya baik di Darussyifa' ataupun di luar Darussyifa', saya taknak libatkan unit lain saya cuma bagi maklumat unit saya. Unit saya bila minum petang saya ada "brainwash" pada perawat-perawat saya dan saya bercakap dengan perawat saya di Darussyifa' memang saya sebagai ketualah, tapi di luar Darussyifa' ini pun tertakhluk dengan Darussyifa' jadi dia tak boleh sesuka hati buat, bila dia buat kena orang akan tanya dia dari mana. Dia akan "mention" Darussyifa' juga betul? Dan jabatan juga. So ada kaitan jadi saya pun walaupun di luar saya akan perlu pantau juga ke mana awak nak pergi atau memang dalam maklumat saya. Awak ada rawatan di luar pun, awak kena maklumkan pada saya, awak tak boleh pergi seorang tak leh ada syarat-syarat tertentu lah jadi kawalselia ni sangat penting kepada pengarah, pengurus dan ketua perawat terutama ketua perawat. Macam pengarah pengurus ni dia mungkin jarang-jarang ada tapi ketua perawat dia dekat dengan perawat-perawat dia, jadi dia tahu masalah perawat-perawat dia. Itu sebab kalau saya jika perawat ada masalah dia kena maklumkan pada ketua perawat terus jangan simpan, bila simpan saya takut dia jadi satu masalah, bila masalah dia akan terlibat dengan atasan. Jadi untuk mengawalselia perawat-perawat ni memang terutama ketua perawatlah dan diikuti dengan pengurus dan pengarah di setiap negeri.</p>

Pengkaji	Jadi mungkin ustaz boleh ada ke macam perawat-perawat Darussyifa' yang buka pusat rawatan dekat rumah ke ataupun pesakit datang ke rumah untuk merawat?
Informan	<p>“Ada. Sebenarnya emm untuk emm baru buat PRK di peringkat negeri ada 96 cawangan untuk memudahkan semua masyarakat pergi dapat rawatan. Kita boleh buka dengan syarat mohon secara rasmi kepada pengerusi Darussyifa' untuk buka pusat rawatan. Sekiranya emm perawat itu buka secara senyap-senyap ia satu kesalahan yang besar dan boleh diambil tindakan. Dia tak boleh buka. Ada juga itu saya kata ada juga pesakit jumpa perawat senyap-senyap, kita kata takpelah. Adalah kalau yang saya tahu aduan rasmi saya datang tapi masalahnya sebenarnya ada kadang-kadang dxsia senyap-senyap saja ada saya dengar tapi tiada aduan. Bila tiada aduan saya salah lah kalau nak ambil tindakan. Kita nak ambil tindakan mesti ada aduan rasmi tapi memang seperti nama ain tanya tu memang ada berlaku. Okay?</p> <p>Yang ketiga, adakah terdapat penyelewangan yang telah dikenalpasti dalam kalangan Darussyifa'? Ini yang dari tadi tu kan. ”</p>
Pengkaji	Dan mungkin ustaz boleh kongsikan jenis-jenis penyelewangan yang lain juga? Mungkin penyelewangan dari segi akidah ke syariah ke atau mungkin dari segi kaedah-kaedah?
Informan	<p>“Emm, yang saya dapat ada perawat dia mengerjakan kaedah pembunuhan. Dia buat Darussyifa' sebelum tu dia ada belajar ilmu lain tapi bila belajar dengan Darussyifa' almarhum kata dia kena pilih antara dua, dia nak aaa badan sedia ada u nak beramal atau dia nak Darussyifa'. Kalau dia nak ilmu Darussyifa' dia kena tinggalkan yang lama kalau nak yang lama dia kena tinggalkan Darussyifa'. Itu dua sahaja, saya rasa itu boleh faham tapi kita tak tahu manusia kan masa Tuan Guru ada semua ye ye tapi bila Tuan Guru takde, kes baru berlaku aa Disember di Terengganu. Seorang perawat dia dia emm mengamalkan rawatan perbomohan 100% dan dia boleh mengatakan bahawa rawatan Darussyifa' itu tidak memberi kesan. Itu pembunuhan. Yang kedua, ada juga emm perawat yang menggunakan kaedah yang tak di ajar oleh Darussyifa' pun, menggunakan kayulah , menggunakan batang paip lah, batang paip, gunakan benda yang tak sepatutnya lah. Ada dan juga kesalahan-kesalahan yang berat adalah perawat ambil kesempatan pada pesakit, membuat temu janji di luar, mengambil kesempatan dan kes-kes yang lain. Tapi yang banyak kes jenayah lah. Yang macam kes-kes tu tak masalah sangat saya tak bimbang sangat yang jadi masalah sekarang ni kes-kes jenayah yang melibatkan polis yee, aurat-aurat pesakit, berdua-duaan dalam bilik sedang itu semua waktu dilarang tapi yelah saya susah nak cakap benda ni. Kadang-kadang juga buat rawatan di rumah janji dengan pesakit datang malam yang itu masalah sebenarnya. Ia mula</p>

	mengundang kepada maksiat.
Pengkaji	Maksudnya kalau ada keluarga dia boleh ke untuk?
Informan	<p>“Ada kes yang berlaku dia datang dengan keluarga tapi bila perawat punya advice okay sekarang hanya pesakit yang perlu ada dengan saya keluarga duduk di luar. Jadi keluarga akan patuh, cakap-cakap ustaz ni pesakit akan pegang pesakit percaya, jadi susah bila masuk bilik suruh itu suruh ini, jadi saya minta maaf sebab kita rasa malu jadi banyak perkara berlaku saya sedih kenapa jadi macam tu. Saya panggil keluarga bersama datang pukul 10 malam, pastu besok yang perawat tu kata rawat cara tak betul. Jadi selalu tanya macam mana, call lagi tanya macam mana. Jadi benda tu lah yang menjadi masalah. Saya yang saya dapat ni kebanyakannya macam perawat menyediakan caj bilik, pesakit tiada bilik tapi caj gini-gini, pesakit bukan tiada duit bayar. Macam-macam. Itu semua kita boleh tegur, tapi yang melibatkan polis ni memang susah. Saya kena tegas dekat situ, ada juga yang mengambil kesempatan yee dia ada kelebihan, dia boleh mengaji, membaca Quran sebagainya dalam pada itu dia akan cuba menggunakan ilmu itu untuk mencari pelanggan. Itu pun saya dapat maklumat juga. Banyak sebenarnya. Okay, itu yang ke berapa yang ketiga ke keempat? “</p>
Pengkaji	Ketiga.
Informan	<p>Keempat melibatkan Darussyifa' sekiranya terdapat pengamal Darussyifa' yang mempunyai kesalahan etika dan syariah. Kalau sekiranya mereka melakukan kesalahan emm ada aduan rasmi kepada saya, saya akan bermesyuarat dengan team Lajnah, lepas bermesyuarat kita akan apakah step pertama kita. Biasanya emm kita akan keluarkan surat lah surat sebab kepada yang didakwa dalam tempoh 14 hari untuk dijawab. Kalau dia takde respon kita akan hantar yang kedua untuk dijawab juga selama 14 hari. Ketiga kita akan buat temu janji secara bersemuka lah kalau tak juga maknanya kita akan buat rumusan, kita akan bermesyuarat kita boleh syorkan teruslah kita punya tindakan. Pada saya, emm sekiranya surat pertama kita hantar kepada yang dituduh dia tak jawab, kalau dari ikut law penguam negara, dia dah mengaku bersalah. Kalau kita tak bersalah dalam tempoh 14 hari mesti akan jawab dah. Kan. Ni kita hantar tak jawablah kan. Saya tanya dengan timbalan pengarah, dia kata pada saya kalau dia tak jawab itu dah nampak dia dah bersalah. Tapi saya meminta pendakwa raya untuk bantu saya dan setakat ni alhamdulillah saya punya tindakan tu bersetuju sebab saya takut saya ambil tindakan tak betul dengan tindakan saya selanjutnya. Kot saya buat pandai-pandai tak boleh. Sebelum ni saya takut ada juga Lajnah yang dulu pun tersilap saya dengar ada tersilap tapi saya tak tahu lah. Tapi pada saya saya dah di amanahkan saya kena buat dengan betul sebab kalau kita</p>

	<p>ambil tindakan benda ni akan jadi pengajaran pada perawat-perawat yang lain.</p> <p>Okay itu yang keempat. Yang kelima, apakah jenis-jenis kesalahan ataupun penyelewengan yang dikenal pasti sering berlaku dalam kalangan perawat-perawat Islam pada masa kini? Itulah yang saya maksudkan kebanyakan pada masa kini kes-kes yang berlaku adalah kes-kes hubungan seksual lah. Tu aduan paling kerap saya terima bila dapat je kes tu memang saya pening kepala lah. Selain daripada tu kes-kes yang macam buka pusat rawatan tidak minta kebenaran, caj lepastu ada juga emm pengubatan Islam lain menggunakan nama Darussyifa' ehh, tapi bila kita buat siasatan dia bukan menggunakan nama kadang-kadang dia nak menggelirukan masyarakat dia kita Darussyifa' Darussyifa' kan tapi dia DarulSyifa emm. Dia macam-macam lah, menggunakan Darussyifa' kadang-kadang masyarakat juga keliru dengan nama, tu lah pastu kadang-kadang pergi jumpa emm sorang-sorang, saya dapat maklumat je. Ustaz pergi tengok pusat Darussyifa' dia kata, tapi saya kata takpelah kalau tiada aduan saya tak datanglah saya dapat maklumat gitu je. Kadang-kadang ni ada perawat yang yelah tak amanah kan, dia ada buat bisnes pulak kadang guna nama Darussyifa', sambil merawat sambil jual barang-barang dalam tu . Itu yang terbaru yang saya dapatlah. Sebab tu saya sekarang ni lepas rawat 'jumpa saya dekat kereta' buka bonet. Itu juga berlaku di Perlis (bunyi batuk). Macam-macam sebenarnya tapi yang series ye seksual lah. Mengganggu apa ni pesakit-pesakit (bunyi batuk lagi).</p>
Pengkaji	<p>Mungkin ada perawat-perawat yang macam mencampur adukkan emm perubatan ataupun menggunakan khidmat jin ataupun ada ke?</p>
Informan	<p>Emm setakat ni, saya tak dapat cuma yang Terengganulah. Yang dekat Terengganu haa. Dia buat kaedah apa hmm tak betullah. Banyak tak betul dia pergi rumah orang tu, tebuk apa tu emm lantai dia masukkan benda-benda tanam balik aa, pastu dia gunakan macam-macam benda yang tak yang yang khurafatlah. Tapi setakat ni di pusat emm masih terkawal. Takde jugalah kalau ada saya tak tahu sebab takde maklumat sampai pada saya. Setakat ni masih terkawal cuma gangguan seksual sahaja la, mungkin ada mungkin dorang tak nak buat report. Ada juga aaa dia kata perawat pula bila pesakit datang datang je ko ni ada gini gini ni, itu dia menggunakan khidmat jin. Sebab kita Darussyifa' tak tahu kita rukhyah dulu kalau rukhyah tu tengok-tengok jerit itu memang ada gangguan lah. Dia masuk-masuk je ehh mata dia merah ada 3 ekor jin dalam badan. Tapi saya dengar ni maklumat tak rasmi, aduan rasmi takde kat saya ada juga tapi dia taklah kerap takdelah. Ada dengar-dengarlah, ha dia campur adukkan sekali dengan ilmu Darussyifa' tu sendiri. Padahal kita dah terangkan dah jelaskan dah beritahu, kalau dekat Darussyifa' tinggal ilmu sedia ada kalau nak</p>

	<p>ambil ilmu sedia ada tinggalkan Darussyifa'. Lepas tu kalau dia tak jujur, tak amanah terpulang pada diri dialah. Kalau kita dapat aduan kita akan hentikan perkhidmatanlah. Saya seboleh-boleh kalau boleh taknaklah kan sebab sayang dia dah belajar dengan ilmu Tuan Guru, kalau boleh kita nak martabatkan perubatan Islam tu sendiri kalau kita beramal dengan benda-benda tu pun kita tak ke mana pun. Tapi kalau orang tu dia berkualiti, berintegriti, beristiqamah, saya nampak orang itu akan lebih pergi jauh. InsyaAllah dia akan istiqamah dengan Darussyifa'. Okay, yang kelima ye tadi? Apakah jenis-jenis?</p>
Pengkaji	Ye betul.
Informan	<p>Jadi sekarang ni, yang keenam yang terakhir kan, apakah aktiviti ataupun program yang dijalankan dalam menangani penyelewengan dalam kalangan Darussyifa'? Okay, kita ni, aaa Lajnah saya memang kita bercadang nak buat "roadshow" ke seluruhlah Malaysia ni tapi kekangan masa dan perawat-perawat saya ramai yang bekerja, kita cuma ada sabtu ahad, hari-hari cuti, kadang sabtu ahad kita terlibat rawatan, hari cuti kadang-kadang perawat nak balik kampung dan sebagainya kan, saya memahami situasi itu, tapi tetap kita "plan" kita nak buat "roadshow" terutamanya kita nak jalankan unit Tarbiyyah. Unit Tarbiyyah sangat penting, bila kita berTarbiyyah kepada semua perawat-perawat Darussyifa' emm insyaAllah Disiplin dan Tatatertib akan berkurang. Saya yakin, emm kita nak sebenarnya tujuan unit Tarbiyyah ni apa tu kita akan turun mungkin kita akan buat program mahabbah dan sebagainya dan kita akan buat program yang menarik yang yang kita boleh menyantuni perawat itu sendiri sesama perawat itu sendiri dan dia tidak akan fikir nak buat benda tak baik untuk Darussyifa'. Ha kalau ada pun dia akan fikir Darussyifa' macam ni Darussyifa' macam ni. Sebab kita kena sentiasa aa membantu aaa bersama dengan mereka dekat dengan mereka sebab apa benda-benda yang tak eloknya berlaku mungkin kita jauh dengan dia. Kita rase kita tak endahkan dia dia nak buat sendiri macam gini-gini, saya akui sebab apa jadi macam tu sebab mungkin kita tak turun,</p> <p>Contohnya kita ada anak kan ada di Melaka, belajar di Terengganu, di Kelantan kita asyik pergi Melaka je. Mesti dia kata gitu gini. Jadi emm bila ni saya nampak kita kena turun dan menyantuni perawat-perawat Darussyifa' kita kena buat program yang baik, kebersamaan untuk untuk yang yang boleh apa tu menaikkan nama Darussyifa' itu sendiri, haa itu yang yang saya cadangkan unit Tarbiyyah untuk aa buat "roadshow" tapi kekangan maa tapi setakat ni kita buat di di di Lembah Klang kita dah buat, di Terengganu, alhamdulillah sangat menarik, kita buat santuni, kita buat khidmat masyarakat, jadi penduduk kampung tu sangat terharu. Dia tak tahu Darussyifa' ni buat perkhidmatan percuma perubatan Islam. Dorang tak tahu rupanya. Jadi bila kami datang, kami buat percuma dengan penduduk kampung, tak</p>

	<p>perlu bayar tak perlu bayar malah saya keluarkan duit untuk jamu penduduk kampung yang datang, mana yang terlantar kita santuni mereka di rumah mereka, kita nak tunjukkan betapa Darussyifa' prihatin dengan masyarakat setempat. Jadi bila saya buat program tu, pengerusi turun pengerusi turun dia sangat sangat emm terujalah dengan program tu dan dia minta kalau boleh setiap negeri buat by zon lah, saya kata kalau nak buat by zon saya tak mampu saya kata, sebabnya team saya sebab saya nampak dia punya masa depan Darussyifa' sangat cerah kalau betul kita buat.</p> <p>Kita santuni masyarakat setempat, lepas tu kita santuni perawat-perawat kita. Kalau kita santuni masyarakat tapi perawat kita kita biarkan. Kita kena jaga, kita kena hormati perawat-perawat kita sebab dorang ni datang sini dorang tak dibayar sebenarnya, ikhlas sagu hati je kita bagi. Ketua perawat ni mainkan peranan yang sangat penting dalam sebuah organisasi selain daripada pengurus dan ketua pengarah. Bertapa sebab ketua perawat dekat dia tahu masalah perawat-perawat dia. Dia boleh pikirkan apa yang terbaik untuk perawat dia. Dia kena buat sesuatu supaya perawat dia sentiasa rasa dihargai sentiasa dia perawat ni ketua perawat ni sentiasa ada masalah kan haa bila ada tak betul kita pimpin dorang lah macam kita bapak lah anak lah. Kita kena santuni mereka semua itu yang saya nampak jadi setakat ni emm saya perhatikan dengan bos saya tu kalau ada masalah terus bagitahu pada saya sebab dia ada ketua jangan buat keputusan sendiri, bila buat keputusan sendiri itu yang jadi masalah dia boleh mengundang kepada masalah kecil kepada besar.</p> <p>Contoh katakan ada masalah dengan emm jawatankuasa buat report takpelah kita telefon nanti kita buat rawatan kat luar, mula rawat, emm lepas tu begini dia bila kita berlainan jadi lain kan pastu datang surat dia memang cakap takde buat papelah dia perawat apa dia perawat cakap sangat patuh, emm jadi itu yang kita nak elakkan. Saya memang selalu pesan saya pesankan ke mana sahaja dia nak pergi kena mintak saya bukan saya kata ... tidak saya tahu apa-apa berlaku ketua perawat akan tahu. Haa harini juga saya saya benarkan, saya kena menguruskan kita buat pasal kan Darussyifa' kan di bawah kementerian kesihatan jadi dia ada apa sijil KKM kita ada data kita dah jelas. Tapi kita tak bebas untuk buat sendiri kita kena ikut kalau nak selamat apa yelah apa yang telah dikeluarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Darussyifa' dan segala teguran nasihat daripada pengurus pengarah ataupun ketua perawat kita kena berlapang dada bukan untuk diri kita tapi untuk Darussyifa' keseluruhan.</p>
Pengkaji	<p>Hmm okay. Saya ada beberapa soalan lagi. Emm kalau contohlah Darussyifa' kan benarkan tak perawat-perawat ni dia macam mempromosikan ataupun mengambil video-video rawatan ke ataupun pos di media sosial atau berkongsi tip-tip perubatan,</p>

	gangguan macam yang sekarang berlaku dekat media kan ramai perawat suka mempromosi yang tunjuk-tunjuk dekat sosial jadi ramai yang terpengaruh?
Informan	Baik saya faham. Emmm pengalaman saya lah di Darussyifa' saya tahun ni kita mengambil video-video emm saya ingat almarhum Tuan Guru ada berkatalah kita Darussyifa' ni tak perlulah nak promosi, tak perlulah kita masuk TV, tak perlulah kita popular di media sosial, tak perlu. Kita kita Darussyifa' ni dia secara emmm saya ... dikenali daripada ... pesakit-pesakit itu sendiri, tak perlu kita aa masuk TV itu sebab Darussyifa' dilarang merakam gambar ketika rawatan dijalankan. Tapi dia punya .. itu pun baru-baru ni kita dah masuk TV Al-Hijrah itu pun atas kebenaran pengerusilah itu pun emmm mungkin ada slot-slot tertentu yang pengerusi izinkan Darussyifa' masuk dalam TV ni untuk bukan untuk nak nak, bagi masyarakat tahu dia bahawa Darussyifa' dia ada rawatan percuma dan sebagainya. Tapi untuk promosi memang tak tak dibenarkan itu almarhum lah kemudian kita kita masih pegang apa kata-kata almarhum.
Pengkaji	Emm okay.
Informan	Macam emm rawatan lain memang kita tengok mahallah. Sangat-sangat apa tuuu menguasailah dan apa ni dia ni susah tapi Darussyifa' tidak Darussyifa' ni tingkap pun takde. Kita memang kita bukan untuk buat bisnes kalau kita buat macam tu kita dah lari daripada matlamat. Kita Darussyifa' nak bantu masyarakat, kita kena pegang emm apa yang hasrat dan emm apa tuu yang almarhum nak. Kita kena buat sesuatu walaupun dia dah takde kita kena jaga nama Darussyifa' tu sendirilah. InsyaAllah Darussyifa' dia dia tak perlu di di viral ataupun di masukkan dalam media sosial dia ada cara tu tersendiri lah. Okay.
Pengkaji	Hmm okay. Ustaz boleh ke ustaz kongsikan macam mana kita sebagai masyarakat awam ni nak bezakan sebagai perawat yang patuh syariah yang betul atau dia menyeleweng ataupun dia ada benda-benda yang terpesong yang dia lakukan?
Informan	Hmm pada saya senang je kalau, satu tu dia boleh membezakan antara rawat, sekarang ni ramai kata perawat Islam kan, di samping itu dia boleh tengok sendirilah dia boleh tengok sendiri lah dia datang Darussyifa' macam mana Darussyifa' punya rawatan di tempat lain macam mana tempat lain punya rawatan. Okay saya bagi contoh saya ada beberapa kes, satu datang jumpa saya da awak tapi tak datang dah, lama tak datang setahun tak datang lepastu datang balik ke saya. Saya kata eh lama tak datang tak lah ustaz saya poergi dapatkan rawatan ni lah dia cuba bawa tempat rawatan islam yang popular oh yeke takpe lah usaha atas kita. Semua Allah Taala bukan kita semua even hospital pun bukan tempat menyembuhkan tidak kan usaha pasti. Selebihnya Allah yang sembuhkan kita, kalau kita tak yakin takkan lah sembuh.

Darussyifa' macam tu je kalau you tak yakin dengan Darussyifa' insyaAllah tak sembuh. Dia kata ustaz, yelah saya minta maaf saya dah datang 3/4 kali tak baik so saya pergi tempat lain. Saya pergi tempat lain emm dorang buat-buat mula-mula tu baik, lepas tu asyik sakit sakit, sakit makin teruk makin teruk lepas tu pergi tempat lain. Emm yelah keluar TV apa semua oo saya teruja lah. Saya pergi pergi, pergi ustaz sampai sana pendaftaran 50 ringgit, ubatnya sehari 15 ringgit, lepas tu dia tak ubat saya secara sendiri, orang ramai macam ni baca doa jalan lepas tu menunggu ambil ubat. Saya kata saya senang je saya tak nak komen awak cerita kat saya, saya tak nak komen orang lain. Saya ikut rawatan Islam je jadi kenapa datang sini saya balik? Saya kata kenapa datang jumpa saya balik, tulah ustaz Darussyifa' saya fikir-fikir Darussyifa' tiada cas tiada apa, haa untuk kes ini jelah. Boleh nampak beza sebenarnya awak kena ingat jangan awak jumpa saya sekali di Darussyifa' awak terus nak kesembuhan bukan saya yang sembuhkan usaha je itu ilmu perawat, kena ingat Allah sembuhkan kita barulah dia sedar. Pada saya pesakit sendiri yang boleh menentukan yang mana bagus yang mana tak bagus yang mana semata-mata untuk bisnes semata, pada saya kalau saya takde kata Darussyifa' tu semua best tapi kenapa almarhum Tuan Guru tu wujudkan Darussyifa' tu sendiri sebab semata-mata nak membantu masyarakat.

Lampiran 15: Garis Panduan Etika Ahli dan Perawat 2010

GARIS PANDUAN ETIKA AHLI & PERAWAT

(ETIKA PERAWAT, KAEDAH & TATACARA RAWATAN)



PERSATUAN KEBAJIKAN PENGUBATAN ISLAM (PKPI) 2010 GARIS PANDUAN ETIKA AHLI & PERAWAT

Terbitan Pertama: Jun 2010

Cetakan Pertama: Jun 2010

@ Persatuan Kebajikan Pengubatan Islam (PKPI) 2010 Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia, No 5, Jalan 117D, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:

Persatuan Kebajikan Pengubatan Islam (PKPI)

No 5, Jalan 1/7D, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-8925 0443

Email : alsyifa@streamyx.com
Laman web : <http://www.darusyifa.org>
: <http://www.ahlidarusyifa.org>

Dicetak oleh:

Misas Advertising Sdn. Bhd.
No 30, Jalan 41238, Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel: 03-4024 2004 / 03-4022 8714
Email : masb_30@yahoo.com